



KERATAN AKHBAR ISU-ISU SEMASA INTEGRITI 2024

(November)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

SPRM perlu terjah setiap jabatan kerajaan

TINDAKAN Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan berhubung kewujudan kartel dalam pengagihan dan pembekalan kontrak baja padi di sebuah pertubuhan di bawah kawalan sebuah kementerian yang dianggarkan bernilai RM1.8 bilion adalah satu keputusan yang tepat.

Andai kata berlaku sebarang salah laku dan rasuah, maka pelaku yang menyebabkan kerugian kepada negara dapat dihukum dengan segera supaya ia tidak terus menjadi barah dalam agensi berkenaan.

Kakitangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak hendaklah memberikan kerjasama sebaiknya dan jika ada maklumat berharga, salurkan segera supaya SPRM dapat bertindak dengan lebih pantas menyelesaikan isu tersebut.

Dengan kesungguhan SPRM itu, ia juga dapat menjadi petanda aras kepada semua pihak tiada siapa yang akan terlepas jika terbabit dengan rasuah.

Melihat kepada itizam SPRM juga, adalah menjadi harapan rakyat Malaysia agar setiap jabatan yang terlibat dengan projek kerajaan yang menelan belanja besar dimasukkan dalam senarai untuk diterjah SPRM.

Masuklah siasat ke setiap jabatan agar tiada yang berani terlibat untuk melakukan rasuah sama ada memberi ataupun menerima.

Jadikan ia sebagai satu amaran besar-besaran dan secara tidak langsung sebelum mana-mana pegawai ada niat untuk 'buat' duit daripada setiap projek, mereka akan terbayang 'kedatangan' SPRM.

Siasat juga mana-mana individu tidak kira siapa di belakang mereka sama ada berpengaruh atau tidak kerana rasuah ini perlu dibanteras habisan-habisan agar wang rakyat tidak terburazir begitu sahaja.

Budaya rasuah harus dihentikan dengan segera kerana jika tidak, sampai bila-bila perancangan yang baik oleh pihak atasan untuk membantu rakyat di peringkat akar umbi akan terbantut. Hanya disebabkan peruntukan yang bocor angkara pelaku rasuah.

Perbuatan rasuah juga jelas boleh menghancurkan negara dan rakyat, dan oleh kerana itu mereka yang terlibat dengan jenayah tersebut tidak boleh dimaafkan.

Bersama-sama lah kita menyokong segala agenda perubahan untuk membanteras rasuah demi kebaikan rakyat dan masa depan anak cucu kita.



SINAR HARIAN
01.11.2024
(JUMAAT)

Dua lagi ditahan kes kartel baja

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua lagi individu termasuk pengurus syarikat yang merupakan warganegara asing berhubung projek pembelian baja padi oleh sebuah pertubuhan pertanian.

Menurut sumber, perintah reman selama lima hari sehingga Isnin itu dikeluarkan pendaftar, Tuan Syahrul Sazly Md Sain terhadap dua-dua suspek.

Jelasnya, tindakan reman dibuat selepas SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

"Kedua-dua suspek lelaki yang berusia kira-kira 40-an hingga 50-an telah ditahan ketika memberikan keterangan di ibu pejabat SPRM lewat petang semalam (Rabu).

"Hasil siasatan awal mendapati suspek utama yang merupakan pengurus bahagian promosi dan pemasaran pertubuhan tersebut telah menerima sebut harga daripada wakil syarikat yang terlibat untuk mendapatkan kelulusan daripada



Dua individu termasuk pengurus syarikat ditahan SPRM dan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis bagi permohonan reman kerana dipercuryai terlibat dalam kes kartel perolehan baja.

pengurus pertubuhan," katanya.

Sumber berkata, pengurus pertubuhan telah memberi kelulusan melantik syarikat asing itu tanpa perbandingan harga atau melalui lembaga pengarah.

Katanya, kontrak pembekalan baja bernilai kira-kira RM60 juta secara runding terus telah dibuat dalam tempoh masa enam hari pada Jun 2022.

Sementara itu, Ketua

Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Sehingga Khamis, kata beliau, seramai tiga individu telah ditahan termasuk seorang eksekutif pemasaran syarikat yang direman pada Rabu sehingga Sabtu.



SINAR HARIAN
01.11.2024
(JUMAAT)

SPRM pertimbang permohonan pembelaan YTL

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi jaminan akan menjalankan siasatan secara telus dan adil berhubung kes pemberian tender melibatkan projek 1BestariNet kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL).

Justeru, Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Baki berharap semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi berikut-siasatan sedang berlangsung.

"Pihak kami amat komited menjalankan penyiasatan secara profesional berhubung kes pemberian tender melibatkan projek 1BestariNet kepada YTL.

"Dalam menjalankan siasatan secara telus, SPM akan mematuhi semua proses sewajarnya dan kami juga akan mempertimbangkan pembelaan dikemukakan YTL," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Pada masa ini, Azam berkata, masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan berhubung kes tersebut.

KES
1BESTARINET

Ini kerana kata beliau, siasatan dijalankan melibatkan pertikaian teknikal berkaitan penyampaian projek antara Kementerian Pendidikan (KPM) dan YTL.

Namun begitu menurutnya, SPM akan berusaha mempercepatkan siasatan.

YTL Power dalam kenyataan medianya pada Rabu memaklumkan, syarikat itu telah diberikan projek 1BestariNet melalui proses tender terbuka sekali gus menepis tuduhan salah laku.

Syarikat itu turut memaklumkan, tender tersebut diberikan apabila bidaan pihaknya yang paling mematuhi teknikal dan efektif dari segi kos berbanding dalam kalangan 18 pembida, menunjukkan keupayaan dan merit syarikat.

YTL Power menjelaskan, anak syarikat 60 peratus miliknya, YTL Communications Sdn Bhd akan terus memberikan kerjasama penuh kepada SPM yang menjalankan siasatan.



SINAR HARIAN
01.11.2024
(JUMAAT)



BERITA HARIAN

03.11.2024

(AHAD)

Kerugian pelaburan RM43.9 juta dalam FashionValet PM arah Khazanah laksana audit dalaman

Tindakan sebahagian langkah wujudkan sistem tadbir urus lebih baik dalam 2,000 GLC

الطباطبائي حافظ آذیز
alhahfiz_abdulaziz@bh.com.rny

Kuala Lumpur: Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) diarah menaiktarafkan audit dalaman bagi menyiasat istilah kerugian pelaburan bernilai RM43.9 juta dalam FashionValet Sdn Bhd (FashionValet).

Perdana Menteri, Dato Sri Anwar Ibrahim, berkata arahan tegas itu menjadi sebahagian tindakan untuk mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih baik dalam 2,000 syarikat berkenaan kerajaan (GIA).

"Selaku Pengurusi, saya menganjurkan Khazanah untuk melakukan audit dalaman bagi menyiasat permasalahan terkait kerugian pelaburan berisikan RM43.9 juta dalam FashionValet baru-baru ini."

"Arahan tegas ini adalah sebagai memaknai pengumuman saya sebelum ini yang mengarahkan Jatahan Audit Negara (JAN) melakukan penguditan terhadap 2,000 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi menuduhkan sistem tadhib urus yang lemah baik.

"...ia selain memastikan semua syarikat berkenan memahami tuntutan tangguhanjawab dan fungsi masing-masing," katanya dalam bantaran media sosialnya semalam.

Terkumpul bungkong siasabai Terdakula, ketika bersemp ma rasemikan Karnival Hari Po jalja dan Peninga Keel (HPPK)



Pengauditan dalaman bagi memastikan semua GLC memenuhi tuntutan tanggungjawab dan fungsi masing-masing.

3004 Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth, Pulau Pinang.

terwujud Arenal, Pusat Pengembangan semalam Perdana Menteri ber tegas tidak akan campur tangan dalam siasatan terhadap Khazanah dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) oleh pihak berkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Baru-baru ini juga ada kerajaan Khazanah Nasional Bhd, yang mana pengurusnya adalah Perdana Menteri.

"Tapi, saya tidak akan balas siasatan kalau ada laporan. Kalau salah, siasat. Kalau salah dakwa. Kalau salah, bukum. katanya yang juga Menteri Kewangan.

Tegas Anwar, walupsun Khazanah dipengerusikan oleh dirinya sendiri, belau tidak ska-

dibuat Khazanah dan PNB pada 2012, masing-masing RM27 dan RM20 juta untuk pegangsa.

nurut dalam *FashionValet*. Kementerian Kewangan kata, pelaburan itu adalah berasaskan daripada maklumat Khazanah pada waktu itu untuk memupuk usahawan teknologi tempatan dan mendatangkan dedahan kepada tesis pelaburan dalam sektor e-dagang kian berkembang.

Pada akhir 2023, NXBT bers menawarkan untuk anggabili alih pegangan s-sedla ada Khasanah dan dajum FashioValst serta nyunti modal yang diperlu dalam ameliat itu.

Berikut ini, pebagai
hak mendesak FashionVal
Khasanah memberikan
lisan terhadap isu berkenaan.



BERITA HARIAN
03.11.2024
(AHAD)

SPRM mulakan siasatan kerugian pelaburan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan berhubung kerugian pelaburan sehingga RM49.3 juta oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalam Nasional Berhad (PNB) dalam syarikat fesyen, FashionValet Sdn Bhd (FashionValet).

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, berkata siasatan itu penting kerana pelaburan berkenaan membabitkan penggunaan dana awam dan menjadi isu berkepentingan awam.

"SPRM sudah membuka kertas siasatan berhubung kerugian pelaburan oleh Khazanah

dan PNB dalam satu perniagaan fesyen dalam talian tempatan.

"Kita memberi jaminan siasatan menyeluruh akan dijalankan secara adil dan profesional," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar memberi ru-

ang untuk siasatan dilakukan serta mengelakkan spekulasi dan 'perbicaraan awam' terhadap pihak yang terbabit.

Siasatan itu susulan jawapan Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat minggu lalu berhubung Khazanah dan PNB memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan saham dalam plat-

form e-dagang fesyen, Fashion Valet kepada syarikat BumiPutera, NXBT Partners pada 2023.

Jumlah itu diperoleh berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam Fa-





METRO AHAD
03.11.2024
(AHAD)

'Dah kenyang, jawatan nak buat apa lagi'

Kuala Lumpur: Media sosial dibujang ribuan hantaran berhubung kerugian pelaburan berjumlah RM43.9 juta dalam Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam syarikat Fashion Valet Sdn Bhd (Fashion-Valet).

Rata-rata netizen kesal dengan kenyataan dikeksarkan Kementerian Keuangan menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Isnin lalu, Khazanah dan PNB memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan saham dalam platform e-dagang fesyen, Fashion Valet kepada syarikat Bumiputera, NXBT Partners pada 2023.

Jumlah itu diperoleh berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 juta

dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam FashionValet.

Perkara itu menimbulkan kemarahan orang ramai. Aktivis wanita, Mona Din turut berikutan ia membabitkan istu dana kepentingan awam.

Di Facebook, rata-rata netizen mahu siasatan segera dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat bagaimana pengguna platform e-dagang fesyen itu boleh memperoleh dana daripada dua syarikat pelaburan kerajaan itu.

Lebih kesal, ada antara mereka menyuarakan tindakan suami isteri itu hanya mengeluarkan kenyataan di media sosial tanpa membuat sidang akhbar khas menjelaskan perkara berkenaan.

"Kenapalah dia (Vivy) post (hantaran) gitu saja di Ig (Instagram)? Patut ada PC (press conference yang merujuk kepada sidang akhbar).

"IG ni sosial media, tak profesional untuk bentia macam ini, ini public interest (kepentingan awam) melibatkan puluhan juta, buatlah live press conference (sidang media secara langsung), panggil wartawan semua, baca dari teks yang ditolak oleh PR (Pegawai Perhubungan

Awam), baru nampak profesional," tulis seorang pengguna Facebook, Auni Arneera.

Selain itu, ramai yang

macah dengan tindakan usahawan fesyen, Datuk Vivy Yusof dan suaminya, Datuk Fadzaruddin Shah Anuar yang melepaskan jawatan mereka dalam platform e-dagang itu.

Bagi netizen, tindakan

mereka tidak bertanggungjawab dan tidak mencerminkan ciri seorang pemimpin.

"Yang penting dah kenyang, jawatan nak buat apa lagi," tulis pengguna Facebook dikenali Maha Grp.

Sementara itu, aktivis wanita, Mona Din turut menyuarakan pendapat supaya pasangan suami isteri itu dihalau atas pertuduhan memyeleweng dana kerajaan.

"Harap SPRM tidak pilah kasih, tolong siasat betul-betul, buktikan kepada rakyat yang negara kita telus dalam men-

orong ramai. Aktivis wanita, Mona Din juga amanah berkaitan dana," tulisnya di Facebook.

Kelmanin, Vivy dan suaminya turut memohon maaf susulan kontroversi berkenaan yang menjelaskan PNB dan Khazanah.

Vivy dan Fadzaruddin juga mengakui tidak memiliki perancangan mencukupi untuk FashionValet berdepan risiko cabaran ketika cuba mengembangkan perniagaan secara agresif.

Mereka melakukan kesilapan dengan mengembangkan perniagaan berdasarkan jangkaan pertumbuhan terlalu besar, bila pun ketika pandemik Covid-19.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azum Bakri turut mengesahkan penyiasat SPRM sudah memulakan siasatan terhadap kerugian pelaburan bernilai RM43.9 juta oleh PNB dan Khazanah dalam FashionValet.

Difahamkan, fokus siasatan ketika ini adalah berkaitan pengurusan keuangan dalam pelaburan itu serta unsur rasuah dalam perniagaan itu.

KERUGIAN PELABURAN DALAM FASHIONVALET

SPRM BUKA KERTAS SIASATAN

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki memberi jaminan siasatan kerugian pelaburan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam FashionValet Sdn Bhd (FashionValet) akan dilakukan secara adil dan profesional.

Beliau berkata, siasatan itu penting kerana pelaburan berkenaan membabitkan penggunaan dana

awam dan menjadi isu berkepentingan awam.

"SPRM sudah membuka kertas siasatan berhubung kerugian pelaburan oleh Khazanah dan PNB dalam satu perniagaan fesyen dalam talian tempatan.

"Kita memberi jaminan siasatan menyeluruh akan dijalankan secara adil dan profesional," katanya semalam.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar memberi ruang untuk siasatan dilakukan serta mengelakkan spekulasi dan 'perbicaraan awam' terhadap pihak yang terbabit.

Sebelum ini Kementerian Kewa-

ngan memaklumkan, Khazanah dan PNB memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan saham dalam platform e-dagang fesyen, Fashion Valet kepada syarikat Bumiputera, NXBT Partners pada 2023.

Jumlah itu diperoleh berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam FashionValet.

Usahawan fesyen, Datin Vivy Yusof dan suaminya, Datuk Fadzaruddin Shah Anuar turut memberi respons mengenai isu itu dengan berkata, akan melepaskan jawatan mereka dalam platform e-dagang itu.



METRO AHAD
03.11.2024
(AHAD)

Penjawat awam ditahan kes rasuah RM18,000

SHAH ALAM - Seorang penjawat awam ditahan pada Jumaat disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM18,000 berkaitan perolehan perkhidmatan dikeluarkan sebuah jabatan penyiaran negara.

Suspek berumur 40-an itu ditahan dipercayai terlibat dalam rasuah bagi membantu melantik sebuah perniagaan mendapatkan beberapa perolehan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sebuah jabatan penyiaran negara.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi kenyataan memaklumkan suspek ditahan kira-kira jam 3 petang ketika hadir bagi memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut pada tahun 2023 dan telah menerima rasuah bernilai RM18,000 melalui kemasukan wang ke akaun bank miliknya.

"Siasatan awal mendapati suspek menerima rasuah sebagai balasan mendapatkan perolehan perkhidmatan seperti sewaan lori, percetakan bahan promosi, sewaan LED, penyediaan makanan dan minuman melibatkan pengajuran program pada 2023," kata-



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk permohonan reman.

nya. Jelasnya, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk permohonan reman.

"Majistret Ameera Mastura Khamis mengeluarkan perintah reman selama tiga hari bermula dari 2 hingga 4 November terhadap suspek," katanya.



SINAR AHAD

03.11.2024

(AHAD)

50 pegawai penguat kuasa JIM dipindahkan, tidak lagi berkhidmat di kaunter kawalan pintu masuk KLIA

PORT DICKSON

Sebanyak 50 pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen (JIM) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada September lepas kerana disyaki terlibat dalam sindiket *counter setting* atau mengatur kaunter kini ditempatkan di beberapa unit lain.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban berkata, kesemuanya dipindahkan daripada penugasan asal dan tidak lagi berkhidmat di kaunter kawalan pintu masuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Mereka masih dalam siasatan SPRM, memang dari segi tugas di kaunter tidak lagi kita

Counter setting: Penguat kuasa ditahan ditukarkan ke unit lain

benarkan, kita bagi mereka tugas lain selain daripada tugas di kaunter kawalan pintu masuk itu.

"JIM tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pegawai imigresen yang terlibat dengan isu integriti, satu tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati bersalah sebaik SPRM selesai menjalankan siasatan terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Sijil Asas dan Sijil Tinggi Pengurusan Keimigresenan Siri 1/2024 membabitkan 361 pegawai di Akademi Imigresen Malaysia di sini pada Sabtu.

Menurut Zakaria, pihaknya memberi kerjasama penuh kepada SPRM untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana anggota atau pegawai JIM di seluruh negara di samping sedia meningkatkan kerjasama dengan



Zakaria (kanan) menyampaikan Anugerah Keseluruhan Terbaik kepada Kadet Pegawai Imigresen Mohd Nazmi Nor Sham (kiri) di Akademi Imigresen Malaysia pada Sabtu.

agensi itu bagi menangani isu integriti.

SPRM sebelum ini membongkar kegiatan sindiket membawa masuk warga asing ter-

sindiket itu terbongkar selepas 12 individu ditahan SPRM di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan dan setakat ini, 50 penguat kuasa JIM ditahan kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket yang membawa masuk warga asing menggunakan modus operandi *counter setting* di KLIA.

Dalam pada itu, Zakaria berkata, JIM dalam peringkat perolehan bagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua kaunter termasuk pintu masuk negara.

"Projek pembangunan ini bukannya lulus *one-off* (sekali) sahaja, ia akan berjalan secara berterusan, malah akan diperluas di seluruh pintu masuk negara.

"Mungkin ada teknologi lain boleh bantu kita terutama dalam aspek pendigitalan perkhidmatan imigresen termasuk penggunaan teknologi bagi mengatasi isu integriti," katanya. - Bernama



SINAR AHAD
03.11.2024
(AHAD)

Tidak masuk campur siasatan - Anwar

Siasatan terhadap Nafas dan Khazanah perlu adil tidak kira pangkat atau jawatan

BUTTERWORTH

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertegas tidak akan menghalang dan masuk campur dalam siasatan terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) oleh pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata, siasatan perlu dilakukan dengan adil tanpa mengira pangkat dan jawatan ataupun sama ada melibatkan syarikat kerajaan mahupun swasta.

"Sekarang heboh isu Perlembagaan Nafas kena gantung. Sekarang kontroversi Vivy Mohon Maaf. Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Baru-baru ini juga ada kes Khazanah Nasional Bhd, yang mana pengurusnya adalah Perdana Menteri.

"Tapi, saya tidak akan halang siasatan kalau ada laporan. Kalau salah, siasat. Kalau salah, dakwa. Kalau salah, hukum." katanya ketika berucap merasmikan Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2024 Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth Arena, Pulau Pinang pada Sabtu.

Sementara itu menerusi hantaran di laman X, beliau telah mengarahkan Khazanah untuk melakukan audit dalaman bagi menyiasat kerugian pelaburan RM43.9 juta dalam FashionValet Sdn Bhd (FashionValet).

Anwar yang juga Pengurusi Khazanah berkata, arahan tegas itu sebagai memaknai pengumuman beliau sebelum ini yang



ANWAR

mengarahkan Jabatan Audit Negara melakukan pengauditan terhadap 2,000 syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Ini bagi mewujudkan sistem tadbir urus lebih baik, selain memastikan semua syarikat memenuhi tuntutan tanggungjawab dan fungsi masing-masing," katanya.

Anwar juga berkata, Kerajaan Madani komited dalam membela nasib rakyat khususnya golongan B40 dan M40, yang penjimatan hasil kerajaan melalui penyiasaran subsidi boleh disalurkan kepada golongan sepatutnya, serta membantu penjaja dan peniaga kecil.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan melakukan kaji berterusan bagi memastikan penyiasaran subsidi berkenaan tidak membebankan.

"Kita tarik subsidi untuk golongan T15, namun itu pun kita masih kaji kerana kita bimbang mungkin ada yang pendapatan RM13,000 tapi anak lima orang dan dua sedang menuntut di universiti. Itu mungkin terbeban. Kita sedang kaji hal ini," katanya.

Sementara itu, Anwar mendcadangkan persatuan penjaja dan peniaga kecil menujuhan koperasi yang boleh bergabung, bagi mengurangkan kos pengurusan dan pentadbiran. - Bernama



SINAR AHAD

03.11.2024

(AHAD)

AJP Nafas sedia disiasat SPRM, akan buat rayuan kepada PM

KUALA LUMPUR - Anggota Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bersedia memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penggantungan membabitkan pertubuhan itu.

Menurut kenyataan bersama pada Sabtu, pihaknya juga akan sentiasa memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada pihak berkuasa dalam memastikan sistem tatakelola, tadbir urus dan sistem kewangan yang telus dalam memerangi segala penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Jelas kenyataan itu, mengambil kira perkembangan itu

dan juga demi kepentingan ahli-ahli Peladang sebagai pemegang saham Nafas, AJP Nafas akan membuat rayuan secara rasmi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu terhadap pergantungan Nafas selaras hak dibawah Seksyen 21 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).

"Alasan penggantungan yang dikeluarkan Ketua Pengarah Pertubuhan Peladang, Amir Matamin adalah menjurus kepada isu, konflik dan ketidakharmonian dalaman.

"Tuduhan berkenaan merupakan satu alasan lemah kerana sejak Pendaftar Pertubuhan Peladang, beliau sepatutnya ter-

lebih dahulu memberi teguran, nasihat dan mengadakan perundingan dan perjumpaan dengan semua pihak yang berkepentingan bagi menangani serta menyelesaikan sebarang konflik atau ketidakharmonian seperti didakwanya," katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan oleh Pengurus Jemaah Pengarahan, Datuk Zamri Yaakob bersama anggotanya iaitu Datuk Aimi Jusoh, Datuk Sham Mat Sahat, Datuk Ismail Umar, Datuk Mohd Rosli Harun, Datuk Ali Shikh Ahmad, Datuk Mustaffar Kamal Ab Hamid, Dr Ab Razak Kasbollah, Datuk Abdul Rahman Ismail, Datuk Mohd Nazri Abdullah dan Datuk Abd Rahman Bakri.



SINAR AHAD
03.11.2024
(AHAD)

SPRM serbu Khazanah, MoF, PNB, FashionValet

Pelbagai dokumen diambil susulan siasatan kerugian RM43.9 juta

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) semalam menyerbu empat premis berhubung siasatan pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam FashionValet Sdn Bhd (FashionValet) mengakibatkan kerugian RMRM43.9 juta.

SPRM mengambil pelbagai dokumen dalam serbuan serentak ke empat premis terbabit, iaitu Kementerian Kewangan (MoF), Khazanah, PNB dan FashionValet.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan serbuan itu dan pihaknya mengambil beberapa dokumen termasuk berkaitan kewangan



Pegawai SPRM tiba di Khazanah berhubung siasatan pelaburan dalam FashionValet.

(Foto Ihsan SPRM)

dalam serbuan itu.

Beliau berkata, beberapa dokumen yang diambil itu untuk disemak susulan siasatan kerugian RM43.9 juta daripada pelaburan Khazanah dan PNB dalam FashionValet.

"Siasatan ini baru bermula Sabtu lalu saya umumkan kita

sudah memulakan siasatan, tetapi pejabat hanya mula buka hari ini (semalam) dan sebab itu serbuan dilakukan hari ini (semalam)," katanya semalam.

Individu bertemu pegawai
Difahamkan, beberapa individu yang dikaitkan dengan pelabu-

ran mega itu turut bertemu dengan pegawai penyiasat ketika serbuan itu.

Semalam, dalam siaran laman TikTok rasmi SPRM juga mengatakan empat lokasi berkaitan syarikat itu di ibu negara, diserbu penyiasat SPRM.

Menerusi video itu, kelihatan sepasukan pegawai SPRM masuk ke dalam pejabat berkenaan dan kemudiannya memeriksa beberapa dokumen mengenai pelaburan dua agensi berkaitan kerajaan (GLC) itu.

Kelmarin, Azam mengesahkan pihaknya mula menyiasat pelaburan oleh Khazanah dan dalam FashionValet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Khazanah pada 2 November lalu mengarahkan audit dalam berhubung perkara itu dilaksanakan.

Media sebelum ini melaporkan Khazanah melabur RM27 juta dan PNB RM20 juta untuk memperoleh pegangan minoriti dalam syarikat fesyen itu dalam rancangan untuk meningkatkan perniagaan Bumiputera dalam sektor e-dagang.



BERITA HARIAN
05.11.2024
(SELASA)

SPRM serbu 4 lokasi termasuk FashionValet

24

Siasatan lanjut susulan kerugian pelaburan ditanggung Khazanah dan PNB

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR



Laporan Sinar Harian pada 2 November lepas.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu empat lokasi berhubung kes membabitkan Fashion Valet Sdn Bhd (FashionValet), di sini pada Isnin.

SPRM dalam satu kenyataan ringkas berkata, empat lokasi tersebut diserbu bagi menjalankan siasatan lanjut susulan kerugian yang dilaporkan ditanggung Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) serta Permodalan Nasional Bhd (PNB) melibatkan FashionValet.

Kata kenyataan itu, pegawai SPRM turut berada di pejabat FashionValet, di sini bagi melakukan siasatan kerugian pelaburan melibatkan dana awam berjumlah RM43.9 juta.

Menurutnya, siasatan ke atas FashionValet penting kerana ia merupakan satu kes berkepentingan awam.

"SPRM hari ini (Isnin) membongkar syarikat FashionValet berhubung kerugian pelaburan yang dialami oleh Khazanah dan PNB.

"Proses siasatan sedang dijalankan di bawah Seksyen 18 Akta



TikTok SPRM memaparkan sekumpulan petugas suruhanjaya itu menyerbu empat lokasi termasuk FashionValet pada Isnin.

SPRM 2009," katanya pada Isnin.

Namun begitu, kenyataan itu tidak mendedahkan empa lokasi diserbu dan dibongkarkan secara serentak itu.

Sinar Harian cuba mendapatkan maklumat lanjut berhubung serbuan tersebut.



SINAR HARIAN
05.11.2024
(SELASA)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam percakapan suami isteri yang juga pengasas platform e-dagang, Fashion Valet Sdn Bhd (FV), Datuk Vivy Yusof dan suami, Datuk Fadzaruddin Shah Anuar, semalam.

Ia berkaitan siasatan yang sedang dijalankan susulan kerugian pelaburan dana Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) berjumlah RM43.9 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPM Tan Sri Azam Baki yang mengesahkan perkara itu berkata, suami isteri berkenaan dirakam percakapan bagi membantu siasatan.

"Setakat semalam (kelmarin), empat saksi daripada PNB, Khazanah dan Kementerian Kewangan sudah dipanggil untuk rakaman percakapan," katanya dihubungi Harian Metro, semalam.

KHAZANAH, PNB RUGI RM43.9 JUTA

SPRM rakam percakapan Vivy, suami



Setakat semalam (kelmarin), empat saksi daripada PNB, Khazanah dan Kementerian Kewangan sudah dipanggil untuk rakaman percakapan"

Azam

Kelmarin, SPM mengambil beberapa dokumen kewangan susulan serbuan di MOF, Khazanah, PNB dan FV.

Azam berkata, dokumen

yang diambil itu untuk dikaji dan disemak susulan siasatan kerugian RM43.9 juta pelaburan Khazanah dan PNB dalam FV.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, SPM menyerbu FV yang dikaitkan dengan kerugian pelaburan dana Khazanah dan PNB.

Menurut sumber, selain

FV, turut diserbu secara serentak adalah MOF, Khazanah dan PNB. Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18, Akta SPM.

Dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Isnin lalu, Kementerian Kewangan memaklumkan, Kha-

zanah dan PNB memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan saham FV kepada syarikat Bumiputera, NXBT Partners pada tahun lalu.

Jumlah itu diperoleh berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam FV.

Sebelum ini, dalam keadaan bersama yang dimuat naik menerusi akaun Instagram Vivy dan suami, pasangan berkenaan memohon maaf susulan kontroversi terbabit yang menjelaskan PNB serta Khazanah.



HARIAN METRO
06.11.2024
(RABU)

Pengerusi masjid direman SPRM kemuka tuntutan palsu

KEMAMAN - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meremah seorang pengerusi masjid di sini kerana disyaki mengemukakan senarai nama asnaf berstatus miskin yang tidak layak bagi agihan zakat kepada sebuah badan kebajikan swasta.

Perintah reman terhadap lelaki berusia lingkungan 50-an itu dikeluarkan Majistret Sharifah Amira Shasha Amir Shariffuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kemaman, Terengganu pada Selasa.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 2.45 petang Isnin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM di sini.

"Siasatan awal mendapati suspek melakukan kesalahan tersebut April lalu. Seramai 50 penerima yang tersenarai telah menerima wang zakat bernilai RM1,000 setiap seorang.

"Suspek ditangkap bersama isterinya yang turut tersenarai penerima wang zakat tersebut. Bagaimanapun isterinya telah dilepaskan dengan jaminan SPRM," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.



SINAR HARIAN
06.11.2024
(RABU)



SINAR HARIAN
06.11.2024
(RABU)

Sivakumar jawab dakwaan SPRM jumpa RM94 juta di rumah menteri

KUALA LUMPUR - Bekas Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar menafikan beliau terlibat dengan penemuan RM94 juta seperti didakwa seorang ahli Parlimen pembangkang.

Tegas Ahli Parlimen Batu Gajah itu, tuduhan tersebut bukan sahaja tidak berasas, malah satu serangan politik bersifat fitnah untuk mencemar reputasi dan integriti dirinya serta parti yang diwakili.

Beliau dalam masa sama turut kesal dengan kenyataan yang dibuat Ahli Parlimen Pendang, Datuk Awang Hashim, meskipun namanya tidak disebut dengan jelas.

"Saya amat tersinggung dengan kenyataan Ahli Parlimen Pendang, walaupun tidak tahu siapa yang dirujuk tapi melihat kepada fakta ia dituduh kepada saya.

"Jadi, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memberi penjelasan berkaitan isu ini.

"Saya tidak tahu dari mana

sumber mendorong beliau menyatakan SPRM jumpa wang RM94 juta di kediaman seorang bekas menteri DAP.

"Saya turut menghargai tindakan segera SPRM dalam menjernihkan situasi," katanya ketika sidang akbar di Pusat Media Parlimen di sini.

Awang semasa persidangan Dewan Rakyat pada Isnin membangkitkan dakwaan penemuan wang tunai berjumlah RM94 juta yang dikaitkan dengan seorang bekas Menteri Sumber Manusia daripada DAP.

Ahli politik Pas itu mempersoalkan siasatan kes berkenaan oleh SPRM kerana sudah lebih setahun ia dibangkitkan.

Susulan itu juga, SPRM tampil menjelaskan pihaknya tidak pernah membuat kenyataan seperti yang dinyatakan Awang.

Mengulas lanjut, Sivakumar mencabar Awang untuk mengulangi kenyataannya di juar Dewan Rakyat jika benar beliau memiliki bukti yang sah.



Sivakumar (tengah) ketika sidang akbar di Pusat Media Parlimen, Kuala Lumpur pada Selasa.



SINAR HARIAN
06.11.2024
(RABU)

Pegawai SPRM didakwa salah guna wang sita RM613,000

SHAH ALAM - Seorang pegawai SPRM mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas satu pertuduhan menyalahgunakan wang sitaan sebanyak RM613,000, dalam tempoh empat tahun sejak Jun 2020.

Azizun Mohamad, 44, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa menyalahgunakan wang berkaitan Ops Green, iaitu operasi SPRM yang berjaya membongkar kes penipuan pendaftaran kenderaan diesel dalam sistem mySikap pada tahun 2019.

Kesalahan didakwa dilakukan di Cyberjaya, antara 1 Jun 2020 hingga 9

Februari lalu. Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksian yang membawa hukuman penjara enam bulan hingga lima tahun, sebatan dan denda.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd 'Afif Ali sementara tertuduh diwakili peguam Mohd Nazri Yahya.

Mahkamah membenarkan tertuduh, penolong pesuruhjaya Gred P48, diikat jamin sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga dikenakan syarat tambahan iaitu melaporkan diri di Ibu Pejabat SPRM sekali setiap bulan, menyerahkan pasport kepada pihak mahkamah dan dilarang menghubungi mana-mana saksi berkaitan kes.

Dia juga tidak boleh mengakses mana-mana komputer yang berkaitan dengan data di pejabat SPRM Kedah.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 9 Disember.

Sementara itu SPRM menerusi kenyataan media berkata, ia mengambil serius dan tidak berkompromi terhadap isu integriti serta etika kerja membabitkan semua pegawainya.

Menurutnya, SPRM tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang melanggar peraturan dan undang-undang bagi memastikan amanah serta tanggungjawab yang diberikan terus terpelihara.

"Tindakan (pendakwaan) ini mencerminkan kesungguhan SPRM dalam menegakkan keadilan dan membanteras rasuah dan salah guna kuasa tanpa pilih kasih," katanya.



SEORANG lelaki dibawa anggota SPRM ke Mahkamah Majistret Kemaman untuk perintah reman.

KEMUKA NAMA ASNAF TAK LAYAK DAPAT ZAKAT

'Orang kuat' masjid pula kena reman

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Chukai

Sorang lelaki direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga 11 November ini bagi membantu siasatan kes mengakalkan senarai nama asnaf berstatus miskin, termasuk isterinya yang tidak layak bagi agihan zakat, kepada sebuah pertubuhan

kebijakan swasta.

Terdahulu, lelaki berusia 50-an yang juga 'orang kuat' masjid di sebuah daerah di negeri ini ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kemaman, jam 12.30 tengah hari, kelmarin.

Lelaki terbabit dibawa anggota SPRM ke Mahkamah Majistret Kemaman, semalam,

untuk perintah reman sebelum Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Sharifuddin membenarkan reman ke atas lelaki terbabit, bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Terdahulu, sumber berkata, siasatan awal mendapati, lelaki itu mula melakukan kesalahan terbabit pada April lalu. Kata

sumber, 50 penerima yang tersenarai sudah menerima wang zakat RM1,000 setiap seorang.

Di samping itu, menurut sumber, lelaki terbabit menerima dana zakat itu daripada sebuah syarikat yang mana lelaki itu adalah pekerja di syarikat berkenaan.

Lelaki itu kemudian ditahan bersama isterinya, namun wanita berkenaan dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Lelaki itu mula melakukan kesalahan terbabit pada April lalu



HARIAN METRO
07.11.2024
(KHAMIS)



SINAR HARIAN
07.11.2024
(KHAMIS)

nasional 19
KHAMIS 7 NOVEMBER 2024 • SINAR HARIAN

Lahir generasi celik harta intelek

MyIPO, KPM jalin kerjasama perkenal modul perlindungan harta intelek kepada pendidik, pelajar

Oleh MOHD AZLIM ZAINUR PETALING JAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengukuhkan kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman (MoU) berkaitan harta intelek.

Menterinya, Datuk Azman Mohd Ali berkata, usaha itu bertujuan memperkenalkan modul harta intelek kepada warga pendidik dan pelajar agar mereka membentuk generasi lebih peka terhadap hak-hak harta intelek.

Menurutnya, modul MoU tersebut sebuah modul khas berkenaan harta intelek yang akan dibangunkan dan dimasukkan sebagai elemen rentas kurikulum (EMK) dalam kurikulum sekolah segera ada.

"Pewujudan modul ini akan memperkenalkan konsep harta intelek dengan cara mudah difahami pelajar serta memberi akses dan pemahaman kukuh bagi melahirkan generasi celik perlindungan harta intelek."

"Inisiatif ini adalah berkesinambungan kepada pelaksanaan program yang telah dijalankan oleh MyIPO sejak 2013 untuk meningkatkan kesedaran hak harta intelek dalam kalangan pelajar," ujarnya.

Rajil (dua dari kiri) menyampaikan dokumen MoU kepada Romai (dua dari kanan) semasa diselaraskan radilina dan Armoza pada Majlis Memerlukan MoU antara KPM dan MyIPO di Menara MyIPO, Petaling Jaya pada Rabu.

Beliau berkata demikian pada Majlis Memerlukan MoU antara KPM dan MyIPO di Menara MyIPO di Segamat 53 di sini pada Rabu.

Hadir sama, Menteri Pendidikan, Padilina Sodik; Ketua Setiausaha KPM, Datuk Rajil Ubi; Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Azman Adnan dan Ketua Pengarah MyIPO, Kamal Komrin.

Mengikut lantar Azman berkata, antara usaha yang telah dijalankan adalah pelaksanaan pelbagai program pembekalan secara sertai tetapi efektif seperti IP Summer Camp, IP Funastic, Program Usahawan Celik, IP Youth Celik, IP Youth Celik IP @ Campsite, IP Bridge, dan Super IDEA.

Ketanya, pelaksanaan program itu menunjukkan perkembangan positif sejak tahun 2011 hingga September 2024.

Beliau menjelaskan, dalam tempoh tersebut MyIPO telah menerima sebanyak 46 permohonan pendaftaran pelajar dan perbaharuan utiliti serta 128

“
Pewujudan modul ini akan

“
Pemerkasaan MoU ini akan meningkatkan lagi dalam meminta kesedaran hak harta intelek sekaligus menjadi perlu perlindungan bagi kreativiti dan inovasi warga pendidikan

Arminza (tiga dari kiri) dan Padilina (lima dari kanan) bergambar bersama

SPRM rakam keterangan Vivy, suami tiga jam

Pasangan itu keluar dari SPRM ditemani pegawai penyiasat

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Selepas hampir tiga jam memberi keterangan, pengasas platform e-dagang FashionValet, Datin Vivy Yusof dan Datuk Fadzaruddin Shah Anuar dilihat meninggalkan bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM) di sini kira-kira jam 4.23 petang Rabu.

Berdasarkan pemerhatian pihak media, pasangan itu keluar dari pekarangan ibu Pejabat SPRM dengan ditemani pegawai yang memakai jaket tertera nama suruhanjaya tersebut.

Pegawai wanita berkenaan dilihat berada di kerusi hadapan kenderaan iaitu di sebelah permandu.

Kehadiran pegawai itu di dalam kendaraan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Vellfire berwarna hitam milik pasangan tersebut menimbulkan tanda tanya kepada pengamal media yang berada di situ.

Menurut sumber, Vivy keluar dari ibu Pejabat SPRM bagi mengambil beberapa dokumen yang diperlukan untuk siasatan.

Ditanya sama ada Vivy dan suaminya akan ditahan atau akan kembali ke SPRM Putrajaya, katanya, semua itu bergantung kepada pegawai SPRM yang menjalankan siasatan.



Vivy dan Fadzaruddin Shah.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri yang turut memaklumkan siasatan berdasarkan Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Berdasarkan definisi SPRM, Seksyen 18 adalah mengemukakan atau mengesahkan dokumen yang mengandungi butiran palsu.

Terdahulu, media melaporkan SPRM menyerbu FashionValet Sdn Bhd, yang dikaitkan dengan kerugian pelaburan dana Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) serta Permodalan Nasional Bhd (PNB) berjumlah RM43.9 juta.

Menurut sumber, selain FashionValet, turut diserbu secara serentak adalah Kementerian Kewangan, Khazanah serta PNB.

Menteri Komunikasi merangkap jurucakap Kerajaan Madani, Fahmi Fadil dilaporkan berkata, orang ramai membangkitkan persoalan mengenai kerugian itu sehingga pelbagai kandungan berkaitan dimuat naik di media sosial.

Dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Isnin lalu, Kementerian Kewangan memaklumkan, Khazanah dan PNB memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan saham dalam FashionValet kepada syarikat bumi-putera, NXBT Partners pada 2023.

Jumlah itu diperoleh berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 juta dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam FashionValet.

Vivy dan Fadzaruddin Shah turut memberi maklum balas mengenai isu itu dengan mengambil tindakan melepaskan jawatan mereka dalam platform e-dagang tersebut.



SINAR HARIAN
07.11.2024
(KHAMIS)

Kerugian pelaburan RM43.9 juta dalam FashionValet

SPRM beku akaun bank persendirian, syarikat RM1.1 juta

Keterangan individu penting termasuk pegawai kanan Khazanah, PNB dirakam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan beberapa akaun bank persendirian dan syarikat milik pengasas platform e-dagang FashionValet, Datin Vivy Yusof dan suaminya, Datuk Fadzruddin Shah Amran.

Pembekuan menerusi Op Favish itu untuk membantu siasatan terhadap pasangan terabit berhubung kerugian pelaburan dana Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) serta Permodalan Nasional Bhd (PNB) berjumlah RM43.9 juta.

Menurut sumber, SPM pada Isnin lalu secara serentak menyebarkan FashionValet, Kementerian Kewangan (MoF), Khazanah dan PNB serta mengambil dokumen berkaitan kewangan yang boleh membantu siasatan.

"Sejak siasatan dijalankan, SPM menerusi 'Op Favish' membekukan kira-kira 11 akaun persendirian dan enam akaun syarikat di bawah seliaan pas-



Vivy bersama peguamnya keluar dari Ibu Pejabat SPRM, semalam.

(Foto: Mohd Fadil Hamzah/BH)

ngan suami isteri ini bernilai kira-kira RM1.1 juta bagi membantu siasatan.

"SPRM sudah merakam beberapa keterangan individu penting merangkumi pegawai kanan Khazanah, PNB, FashionValet, akauntan, penilai syarikat dan introducer," katanya.

Kediaman digeledah

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, ketika dihubungi mengesahkan pembekuan akaun terbitan dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPM 2009.

Kelmarin, SPM menggeledah

Kronologi isu kerugian pelaburan Khazanah dan PNB terhadap FashionValet

- 29 Oktober:** Kementerian Kewangan (MoF) dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, memaklumkan Khazanah dan PNB memperoleh RM33.1 juta hasil penjualan saham dalam platform e-dagang fesyen, FashionValet kepada syarikat Bumiputera, NXBT Partners pada 2023, berbanding pelaburan RM47 juta yang dibuat Khazanah dan PNB pada 2018, masing-masing RM27 juta dan RM20 juta untuk pegangan minoriti dalam FashionValet.
- 4 November:** SPRM serbu MoF, Khazanah, PNB, serta ibu pejabat FashionValet untuk membantu siasatan kerugian pelaburan berjumlah RM43.9 juta.
- 5 November:** Vivy dan suami memberi keterangan di pejabat SPRM.
- 6 November:** Hari kedua, SPRM menyambung proses merebak keterangan pengasas platform e-dagang, Vivy dan suami di pejabat SPRM.
- 6 November:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) maklumat akan bermesyuarat bagi menentukan sama ada wakil FashionValet, PNB dan Khazanah perlu dipanggil susulan isu kerugian pelaburan Khazanah dan PNB.
- 1 November:** Khazanah dan PNB membuat kenyataan berasingan perihal pelaburan FashionValet.
- 1 November:** Vivy dan Fadzruddin memohon maaf susulan kontroversi berkenaan yang menjelaskan PNB dan Khazanah, memaklumkan akan memfasilitasi jawatan mereka.
- 2 November:** Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, mengesahkan isu kerugian pelaburan bernilai RM43.9 juta oleh PNB dan Khazanah dalam FashionValet, berada dalam radar siasatan mereka.
- 2 November:** Datuk Seri Anwar Ibrahim arah Khazanah melakukan audit dalam bagi menyiasat permasalahan terkait kerugian pelaburan bernilai RM43.9 juta dalam FashionValet.
- 3 November:** Seorang Ahli Lembaga Pengarah FashionValet manfaikan dakwaan mengenai kes berkenaan yang kini dalam siasatan SPRM.

Mereka dilihat menaiki kendaraan pelbagai guna (MPV) hingga ke rumah pasangan berkenaan.

Terdahulu, Vivy dan suaminya tiba di Ibu Pejabat SPRM pada jam 2.34 petang.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009.



BERITA HARIAN
08.11.2024
(JUMAAT)

Kerugian pelaburan RM43.9 juta dalam FashionValet

SPRM jangka siasatan ambil masa lebih lama

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjangkakan siasatan terhadap kerugian pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dalam FashionValet Sdn Bhd (FashionValet) berjumlah RM43.9 juta tidak dapat diselesaikan dalam masa singkat.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Baki, berkata ini kerana siasatan berkenaan membabitkan beberapa keputusan korporat, sekali gus mengambil masa untuk diselesaikan.

Beliau berkata, pasukan penyiasat juga sedang meneliti kemungkinan Khazanah dan PNB dikelirukan mengenai pelaburan yang dibuat, justeru penyiasat meluaskan skop siasatan dengan

meneliti elemen penipuan dalam beberapa transaksi mencurigakan di antara tahun 2018 dan 2023.

Katanya, siasatan turut membabitkan isu tadbir urus korporat itu masih berjalan dan SPM masih perlu mengesahkan beberapa maklumat, termasuk menentukan sama ada pengasas FashionValet bertindak mengikut undang-undang.

Mengenai pembelian 30 Maple Sdn Bhd oleh FashionValet pada

tahun sama dengan Khazanah dan PNB melabur dalam syarikat itu, Azam berkata, penyiasat sedang meneliti butiran transaksi berkenaan.

Sebuah portal berita sebelum ini melaporkan bahawa FashionValet membeli 30 Maple dengan harga RM95 juta pada tahun yang sama Khazanah dan PNB melabur sebanyak RM47 juta dalam syarikat itu.

Laporan oleh portal itu juga menyebut bahawa 30 Maple mengendalikan jenama dUCk, jenama hijab yang diasaskan Vivy Yusof yang juga pengasas FashionValet.

"Kami juga sedang meneliti sama ada Khazanah dan PNB seharusnya diberitahu (tentang pembelian ini).

"Kami perlu menjalankan siasatan ini secara adil dan profesional. Kebimbangan awam adalah satu perkara, dan walaupun kami mengambil kira itu, kami dipandu oleh undang-undang dan prosedur kami," tegasnya.

Azam berkata, sebarang keputusan menahan pasangan pengasas FashionValet (Vivy Yusof dan suaminya, Datuk Fadzaruddin Shah Anuar) bergantung kepada pegawai penyiasat kes berkenaan.

Mengenai pembelian 30 Maple Sdn Bhd oleh FashionValet pada

Katanya, beliau menyerahkan sepenuhnya kes itu kepada penyiasat yang akan memutuskan sebarang tindakan bersetujuan dengan hasil siasatan.

"Pegawai SPM melakukan yang terbaik dalam usaha menyelesaikan kes ini, tetapi saya jangka ia tidak boleh diselesaikan dalam masa yang singkat disebabkan ia juga membabitkan beberapa keputusan korporat. Jadi ia akan mengambil masa sedikit," katanya di sini, semalam.

Pasangan dirakam keterangan

Terdahulu pagi semalam, pasangan suami isteri yang juga pengasas FashionValet itu tiba untuk hari ke empat di Ibu Pejabat SPM, bagi memberi keterangan kepada pegawai penyiasat pada jam 9.14 pagi.

Proses merakam keterangan semalam, mengambil masa lebih empat jam. Kenderaan membawa pasangan itu dilihat keluar pada jam 1.58 tengah hari. Pasangan terbabit turut disertai peguam mereka, Shaarvin Raaj Selva Kumar.

Mengulas proses merakam keterangan itu, Azam tidak menolak kemungkinan, Vivy dan suaminya akan dipanggil semula

Sebelum ini, Azam dilaporkan

hari ini untuk sesi kelima.

"Dalam beberapa sesi terdahulu kita mendapatkan maklumat menerusi dokumen, akaun, pelaburan yang masuk ke dalam FashionValet serta aset yang dimiliki.

"Oleh itu, saya tidak melihat ia akan diselesaikan hari ini dan menjangkakan pegawai penyiasat akan memanggil mereka kembali untuk membantu siasatan," katanya.

Bahagian forensik perakaunan SPM masih menjalankan semakan terhadap semua dokumen yang diperoleh itu.



Vivy Yusof bersama Fadzaruddin hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPM, Putrajaya, semalam.



BERITA HARIAN
09.11.2024
(SABTU)

Penjawat awam masih tinggi rasuah

Bilangan cecah hampir 50 peratus, bukti negara masih bergelut banteras rasuah

Oleh ASYIKIN ASMIN
KENINGAU

Peratusan penjawat awam di tahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang terlibat dalam rasuah mencecah hampir 50 peratus menunjukkan negara masih bergelut untuk membanteras rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri berkata, statistik yang direkodkan setakat Oktober lalu melibatkan penjawat awam adalah sebanyak 43.4 peratus atau 546 pegawai kerajaan yang ditangkap dan selebihnya melibatkan orang awam.

"Kalau berdasarkan peratusan antara 40 ke 50 peratus itu, pada saya sebagai orang lama dalam SPM ini masih lagi tinggi kerana sewajarnya kalau kita nak mengatasi rasuah telah berkurangan dalam kalangan penjawat awam, sepatutnya bawah dari pada 40 peratus dan makin menurun ikut tahun."

"Tetapi nampaknya isu rasuah dalam negara kita melibatkan jabatan kerajaan masih lagi perlu ditangani dengan lebih teliti lagi dan efektif."

"Ini kerana seperti semua orang tahu penjawat awam adalah mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dana kerajaan atau dana rakyat dan kita ke arah memastikan supaya dana ini tidak diselewengkan,"



Azam (tengah) ketika merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Keningau pada Sabtu.

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Keningau di sini pada Sabtu.

Katanya lagi, ikrar integriti yang dilafazkan penjawat awam itu sama ada dipatuhi atau sebaliknya menjadi penentu kepada mereka terlibat atau tidak dalam rasuah.

"Kita perlukekalkan integriti sebagai penjawat awam seperti mana yang dilafazkan setiap minggu dalam lafaz ikrar penjawat awam."

"Kedua janji kita kepada kerajaan dan juga masyarakat semasa mulamula memasuki perkhidmatan awam dan ketiga, janji kepada diri kita dan juga janji kepada agama masing-masing."

"Jadi perlu ditekankan integriti, meningkatkan sistem penyampaian untuk rakyat dan bersempena dengan pengumuman kenaikan gaji dan sebagainya, saya harap itu satu penyuntik kepada penjawat awam untuk

bekerja lebih keras lagi bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat termasuk SPRM," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai program tersebut, Azam berkata, berdasarkan kesepatan pembangunan di daerah itu sudah tiba masanya SPRM membuka cawangan baharu untuk melebarkan lagi perkhidmatan suruhanjaya itu untuk masyarakat setempat.

Sehubungan itu, beliau berharap masyarakat yang kini mulai celik isu SPRM supaya tampil berdepan dengan pegawai yang ditempatkan di cawangan baharu itu.

"Tidak perlu lagi hantar e-mel, WhatsApp atau melalui media sosial tertentu, berhadapan dengan pegawai saya lebih mudah untuk mendapatkan penjelasan dan saya memberi jaminan sekiranya ia berunsur maklumat rasuah kita akan melindungi identiti mereka daripada masyarakat," katanya.



SINAR HARIAN
10.11.2024
(AHAD)

SPRM belum terima aduan rasmi berkait audio bincang penerimaan rasuah

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan mendengar audio berkaitan dakwaan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berbincang mengenai penerimaan rasuah bernilai ratusan ribu ringgit di sebuah negeri.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, berkata pihaknya diperdengarkan audio berkenaan dalam satu pertemuan pegawaiannya dengan peguam kepada pemberi maklumat terbabit pada 30 Oktober lalu.

Bagaimanapun, katanya sehingga kini, pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi, daripada mana-mana pihak termasuk pemberi maklumat yang membuat dakwaan itu.

"Namun ketika pertemuan berkenaan, peguam kepada pemberi maklumat itu hanya memainkan rakaman audio berdurasi 17 saat di mana beberapa orang didengar

sedang berbincang mengenai wang.

"Dia tidak memaklumkan siapa ADUN yang terbabit dan bersedia untuk memberikan sejumlah bukti jika SPM menuntutnya menyatakan anak guamnya tidak akan diletakkan bawah siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Azam berkata, pegawai SPM terbabit bagaimanapun tidak bersetuju menandatangani persetujuan itu kerana ia bukan prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi suruhanjaya berkenaan.

Pada pertemuan itu juga, katanya, peguam berkenaan menyatakan beliau tidak mempercayai Akta Perlindungan Pemberi Mak-

lumat 2010.

Beliau berkata, peguam terbabit mendakwa akta itu tidak memadai dan tidak memberikan sebarang jaminan yang anak guamnya akan dilindungi secara wajar.

"SPRM tidak boleh memberikan sebarang jaminan imuniti berterulis bahawa mana-mana individu itu tidak akan disiasat atau didakwa sekiranya mereka memberi maklumat dan terbabit dalam perlakuan rasuah," katanya.

Azam menegaskan, tindakan SPM adalah berlandaskan undang-undang supaya semua laporan ditangani secara saksama dan profesional, manakala sebarang dakwaan salah laku akan disiasat secara terperinci tanpa memihak

kepada mana-mana individu.

Gesa tampil buat laporan

Justeru, beliau menggesa pemberi maklumat itu tampil membuat laporan rasmi kepada SPM bagi memulakan proses perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 menyatakan individu yang memiliki maklumat perlu mendedahkan perlakuan salah laku dahulu, sebagaimana ditakrifkan undang-undang, sebelum proses perlindungan dapat dimulakan," katanya.

Terdahulu, sebuah portal melaporkan terdapat sekurang-kurang lapan rakaman video mengaitkan beberapa ADUN sebuah negeri diadikwa membincangkan 'rasuah' bernilai ratusan ribu ringgit yang diberikan kepada mereka sebagai balasan untuk mendapatkan projek di negeri terbabit.



Azam Bakri



BERITA HARIAN
11.11.2024
(ISNIN)

SPRM tidak terima aduan rasmi isu rasuah ADUN

KUALA LUMPUR - Tiada sebarang aduan diterima berkaitan rakaman audio didakwa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang membincangkan rasuah bernilai ratusan ribu ringgit setakat ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya setakat ini belum menerima sebarang aduan rasmi dari mana-mana pihak berkaitan perkara itu termasuk daripada peguam kepada pemberi maklumat yang bertemu pegawai SPRM pada 30 Oktober lalu.

"Peguam kepada pemberi maklumat itu hanya memainkan audio yang mengandungi rakaman suara beberapa individu sedang berbincang berkaitan wang.

"Individu terbabit juga tidak memaklumkan siapa ADUN terlibat. Dia juga bersedia memberikan bukti sekiranya pihak kami menandatangani persetujuan yang menyatakan anak guamnya tidak dilakukan di bawah siasatan," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, pegawai SPRM terlibat tidak ber-setuju kerana ia bukan prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi SPRM.

"Peguam berkenaan turut menyatakan bahawa dia tidak mempercayai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 pada pertemuan itu.

"SPRM pada masa sama tidak boleh memberikan sebarang jaminan imuniti bertulis terhadap mana-mana individu sama ada tidak akan disiasat atau didakwa sekiranya mereka memberi maklumat dan terlibat dalam perkara melibatkan rasuah," katanya.

Tegasnya, pemberi maklumat berkenaan perlu membuat laporan rasmi kepada SPRM bagi memulakan sebarang proses perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Akta Perlindungan Pemberi Maklumat secara jelas menyatakan individu yang memiliki maklumat perlu mendedahkan pelakuan salah dahulu seperti ditakrif undang-undang sebelum sebarang proses perlindungan dapat dimulakan.

"Tindakan SPRM berlandaskan undang-undang supaya sebarang laporan ditangani secara saksama dan profesional, termasuk sebarang dakwaan salah laku akan disiasat secara lengkap tanpa memihak kepada mana-mana pihak," katanya.



AZAM



SINAR HARIAN
11.11.2024
(ISNIN)

SPRM tidak terima aduan rasmi isu rasuah ADUN

KUALA LUMPUR - Tiada sebarang aduan diterima berkaitan rakaman audio didakwa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang membincangkan rasuah bernilai ratusan ribu ringgit setakat ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya setakat ini belum menerima sebarang aduan rasmi dari pada mana-mana pihak berkaitan perkara itu termasuk daripada peguam kepada pemberi maklumat yang bertemu pegawai SPRM pada 30 Oktober lalu.

"Peguam kepada pemberi maklumat itu hanya memainkan audio

yang mengandungi rakaman suara beberapa individu sedang berbincang berkaitan wang.

"Individu terbabit juga tidak memaklumkan siapa ADUN terlibat. Dia juga bersedia memberikan bukti sekiranya pihak kami mendatangani persetujuan yang menyatakan anak guamnya tidak dilakukan di bawah siasatan," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, pegawai SPRM terlibat tidak ber-setuju kerana ia bukan prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi SPRM.

"Peguam berkenaan turut menyatakan bahawa dia tidak

mempercayai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 pada pertemuan itu.

"SPRM pada masa sama tidak boleh memberikan sebarang jaminan imuniti bertulis terhadap mana-mana individu sama ada tidak akan disiasat atau didakwa sekiranya mereka memberi maklumat dan terlibat dalam perkara melibatkan rasuah," katanya.

Tegasnya, pemberi maklumat berkenaan perlu membuat laporan rasmi kepada SPRM bagi memulakan sebarang proses perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Akta Perlindungan Pemberi



AZAM



SINAR HARIAN
11.11.2024
(ISNIN)



SINAR HARIAN
11.11.2024
(ISNIN)

SPRM perlu lindungi pemberi maklumat

KUALA LUMPUR - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Bakri digesa memberi perlindungan kepada pemberi maklumat yang mempunyai bukti video dakwaan rasuah melibatkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Mohd Zaid Ibrahim berkata, tindakan itu penting bagi menghapuskan keraguan bagi individu yang ingin berbuat demikian.

"Kita harus menggalakkan pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan dan memberitahunya bahawa dia mempunyai perlindungan sepuhunya.



ZAID

"Sikap SPRM seperti yang dilaporkan amat dikesali. Jika saya menjadi peguam kepada pemberi maklumat, saya juga akan memintanya untuk tidak mendedahkan skandal itu (sekiranya tiada perlindungan diberikan)," katanya menerusi hantaran di X pada Ahad.

Sebuah portal berita baru-baru ini melaporkan mengenai beberapa rakaman video memaparkan ADUN didakwa menerima ratusan ribu ringgit untuk menyokong permohonan syarikat untuk projek di sebuah negeri.

Perbincangan dalam video itu melibatkan ahli perniagaan, namun wajahnya tidak kelihatan, meminta ahli politik, termasuk mereka yang memegang jawatan kanan, memulangkan wang itu kerana lesen untuk projek itu telah dibatalkan.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dilaporkan berkata, pemberi maklumat akan diberi perlindungan mengikut undang-undang.

Menurutnya, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 jelas memperuntuk perlindungan buat pemberi maklumat dan perlindungan ini tertakluk kepada akta tersebut.

RAKAMAN AUDIO ADUN 'BINCANG' RASUAH

SPRM gesa pemberi maklumat buat laporan secara rasmi

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada mana-mana pihak yang mendakwa mempunyai rakaman audio Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) membincangkan rasuah bernilai ratusan ribu ringgit.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri berkata, ia termasuk daripada peguam kepada pemberi maklumat yang ada bertemu pegawai Suruhanjaya ini pada 30 Oktober lalu.

"Namun, ketika pertemuan peguam kepada

pemberi maklumat itu hanya memainkan rakaman audio berdurasi 17 saat di

mana beberapa orang didengar sedang berbincang mengenai wang.

"Dia tidak memaklumkan siapa Adun yang terbabit dan sedia untuk memberikan sejumlah bukti kepada SPM jika SPM menandatangani persetujuan menyatakan anak guamnya tidak akan diletakkan di bawah siasatan," katanya disini.

"SPRM tidak boleh memberikan sebarang jaminan imuniti bertulis terhadap mana-mana individu itu tidak akan disiasat atau didakwa sekiranya mereka memberi maklumat dan terbabit dalam perlakuan rasuah"

Ketua Pesuruhjaya SPM,
Tan Sri Azam Bakri



Azam berkata, pegawai SPM terbabit tidak setuju untuk menandatangani persetujuan itu kerana ia bukan prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi SPM.

Beliau berkata, pada pertemuan itu juga, peguam berkenaan turut menyatakan dia tidak percaya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Menandangkan dia ya-

kin akta itu tidak memadai dan tidak memberikan sebarang jaminan bahawa anak guamnya akan dilindungi secara wajar.

"SPRM tidak boleh memberikan sebarang jaminan imuniti bertulis terhadap mana-mana individu itu tidak akan disiasat atau didakwa sekiranya mereka memberi maklumat dan terbabit dalam perlakuan rasuah," katanya.

Menurutnya, tindakan SPM berlandaskan undang-undang supaya sebarang laporan ditangani secara saksama dan profesional dan sebarang dakwaan salah laku akan disiasat secara terperinci tanpa memihak kepada mana-mana individu.

Justeru itu, Azam menggesa pemberi maklumat itu untuk membuat laporan

rasmi dengan SPM bagi memulakan proses perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

"Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 menyatakan individu yang memiliki maklumat perlu mendedahkan perlakuan salah dahulu, seperti ditarik undang-undang, sebelum proses perlindungan dapat dimulakan," kata-

nya.

Terdahulu, sebuah portal dalam talian melaporkan terdapat sekurang-kurangnya lapan rakaman video mengaitkan beberapa Adun yang didakwa membincangkan 'rasuah' bernilai ratusan ribu ringgit yang diberikan kepada mereka sebagai balasan untuk mendapatkan projek di sebuah negeri.



HARIAN METRO
11.11.2024
(ISNIN)



KUFARIZ Iskandar di Mahkamah Seksyen Sepang - Gambar NSTP/MOHD FAUZI

PEMBANTU PENGUASA KASTAM DIDAKWA

Nafi terima rasuah RM900

Oleh Amir Abd Hamid
amir.hamid@mediaprima.com.my

Sepang

Seborang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang RM900 daripada penumpang warganegara Bangladesh untuk pelepasan ubat-ubatan milik mereka semasa permeriksaan bagasi.

Perbuatan itu dilakukan di Cawangan Pemeriksaan Penumpang, KLIA Terminal 1, jam 1.30 tengah hari, 14 November tahun lalu.

Oleh itu, dia dituduh mengikut Seksyen 137(1)(b) Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 137(1) akta yang sama yang boleh dipenjara maksimum lima tahun atau didenda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya dan ditahan daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan atau kerajaan ma-

laki itu sebagai Penguasa Kastam Gred WK19 menerima ganjaran atau balasan sebanyak RM900 daripada sembilan penumpang warga Bangladesh untuk pelepasan ubat-ubatan milik mereka semasa permeriksaan bagasi.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan kerana jaminan dipohon pendakwaan terlalu besar dengan simpanan yang tidak banyak selain perlu menanggung dua anak berusia sembilan bulan dan tiga tahun serta ibunya yang tidak bekerja.

Mendengar perkara itu, Ahmad Fuad kemudian menetapkan jaminan RM7,000 dan syarat tambahan dipohon pendakwaan dan sebuttan semula kes 16 Disember ini.

Ahmad Fuad turut menganasihatkan tertuduh menjalinkan peguam sebelum tarikh itu memandangkan pertuduhan yang dihadapinya berat.

Mahkamah menetapkan jaminan RM7,000 sebuttan semula kes 16 Disember ini



HARIAN METRO
13.11.2024
(RABU)

Agong titah penjawat awam laksana amanah penuh integriti - KSN

SEPANG - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan semua penjawat awam untuk melaksanakan tanggungjawab diamanahkan dengan penuh integriti dan sama sekali tidak melanggar peraturan yang ditetapkan dalam perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, titah itu disampaikan kepada beliau ketika diterima menghadap Seri Paduka Baginda di Istana Negara pada Selasa.

"Pagi tadi saya diperkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong dan baginda bertitah bahawa ahli politik datang dan pergi, Yang di-Pertuan Agong pun datang dan pergi tetapi pegawai kerajaan tetap ada dalam kerajaan."

"Jadi, jalankan kerja dengan penuh integriti. Ini titah baginda kepada saya," katanya ketika berucap pada majlis

Anugerah Pembangunan Negara (APN) 2024 bertemakan 'Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni' di sini.

Berkongsi inti pati amanat sulung beliau pada 10 September lepas, Shamsul Azri mengajak semua anggota perkhidmatan awam untuk bersama-sama menjawai nilai MALAYSIA iaitu Mésra, Adil, Luhur, Amanah, Yakin, Setia, Islah dan Arif.

Beliau berkata, setiap penjawat awam bukan hanya perlu berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran tetapi juga memiliki pemahaman mendalam tentang peraturan, prosedur, undang-undang serta kemahiran praktikal untuk melaksanakan tugas dengan ber-

kesan dan efisien bagi memfasilitasi agenda Malaysia Madani demi pembangunan negara.

Mengenai prestasi Projek Pembangunan Rolling Plan ke-4 (RP4) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), beliau berkata, 65.82 peratus atau RM59.24 bilion daripada peruntukan keseluruhan RM90 bilion melibatkan 8,719 projek telah direkodkan setakat 4 November lepas.

"Dalam hal ini, semua kementerian hendaklah terus berusaha keras bagi memastikan peruntukan pembangunan dapat dibelanjakan secara optimum serta meningkatkan prestasi perbelanjaan melebihi 95 peratus untuk RP4," katanya. - Bernama

Untuk tujuan itu, beliau mahu ketua setiausaha di semua kementerian untuk melaksanakan pendekatan tegas dan mesti bersifat pembaharuan terhadap pelaksanaan program atau projek pembangunan.

"Hal ini adalah supaya pembangunan negara yang lebih mampu dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat," katanya.

Selain kecekapan pengurusan program atau projek, Shamsul Azri mahu keutamaan pelaksanaan diberikan kepada program atau projek awam demi mencapai keberhasilan terbaik kepada rakyat.

"Penilaian keberkesanan dan keberhasilan program atau projek perlu terus dibudayakan supaya dapat memberi gambaran rasional tentang manfaatnya kepada kumpulan sasaran," katanya. - Bernama



SHAMSUL AZRI



SINAR HARIAN
13.11.2024
(RABU)

'Tangkap dulu bud a pemberi rasuah' kec

Hajiji tegaskan kerajaan negeri tidak terjejas dengan tuduhan terbaru skandal rasuah

PAPAR

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor meminta supaya pemberi rasuah turut disiasat berhubung dakwaan skandal rasuah membabitkan ADUN di negeri ini.

Hajiji berkata, siasatan yang dilakukan oleh pihak berkuasa juga perlu menjurus kepada pemberi rasuah kerana sudah tentu pihak tersebut mempunyai niat yang tidak baik untuk mendapatkan sesuatu daripada kerajaan.

"Ini kita minta pihak berkuasa menyiasat, kita akan bagi kerjasama tetapi siasat juga pemberi rasuah. Pemberi rasuah itu mempunyai niat yang tidak baik iaitu untuk mendapatkan sesuatu daripada kerajaan, apabila tidak dapat inilah (tuduhan) keluar."

"Jadi bagi saya untuk lebih adil, tangkap dia dulu, siasat dia," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Ulang Tahun



Hajiji (kiri) disambut CEO Petronas Gas Bhd, Abdul Aziz Othman ketika tiba di Stesen Janakuasa Kimanis Power di Papar pada Selasa.

LAPORAN
MUKA
DEPAN

ke-15 Kimanis Power Sdn Bhd di Stesen Janakuasa Kimanis di sini pada Selasa.

Apabila wartawan menyebut kononnya nama Hajiji turut dikaitkan, ADUN Sulaman itu segera menjawab: "Saya tiada apa-apa (tidak ada kenangan)."

Beliau yang juga Pengurus Gabungan Rakyat Sabah (GRS) berkata, kerajaan negeri juga tidak terjejas dan berjalan seperti biasa dan menganggap perkara itu sekadar tuduhan.

"(Kerajaan negeri) memang okey. Kita kerajaan masih ber-

jalan dengan baik. Itu cuma tuduhan, laporlah kepada SPRM. Kita tiada apa-apa yang mahu disembunyikan," katanya.

Dakwaan salah laku rasuah itu muncul ketika parti-parti politik mula mengadakan rundingan untuk membentuk kerjasama bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri Sabah ke-17 yang akan berlangsung selewat-lewatnya pada Oktober 2025.

Pada 10 Julai lalu, Hajiji berkata GRS sedia bekerjasama dengan mana-mana gabungan tetapi akan memberi keutamaan kepada GRS-PH Plus yang merupakan kerajaan negeri sekarang.



SINAR HARIAN
13.11.2024
(RABU)



SINAR HARIAN
13.11.2024
(RABU)

Akta 711 lompong punca pemberi maklumat takut buat laporan - TI-M

SHAH ALAM - Transparency International Malaysia (TI-M) menggesa kerajaan memperbaiki kelompongan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) sehingga menyebabkan ramai yang takut untuk melaporkan kes rasuah.

Presidennya, Dr Muhammad Mohan berkata, beberapa klausu dalam akta berkenaan juga dilihat mengurangkan keberkesanannya.

"Contohnya, klausu di mana perlindungan kepada pemberi maklumat akan ditarik balik sekiranya pemberi maklumat tersebut didapati terbabit dengan salah laku berkaitan kes yang dilaporkan.

"Hal ini menyebabkan hanya sebilangan kecil pemberi maklumat yang berani untuk mendedahkan kes rasuah yang berlaku kerana faktor pecah amanah dan ketakutan akan impak tindakan mereka.

"TI-M menggesa agar tindakan lebih proaktif dilaksanakan dalam mengetengahkan reformasi terhadap akta ini setelah 14 tahun ia dikuatkuasakan.

"Kami percaya, sudah tiba masanya pindaan penambahan terhadap akta ini dipertimbang demi perlindungan pemberi maklumat yang lebih baik," katanya dalam kenyataan.

Muhammad Mohan berkata, budaya pemberi maklu-

mat akan menjadi tonggak utama dalam membanteras gejala rasuah di Malaysia.

"Kerajaan harus memainkan peranan penting dalam melindungi pemberi maklumat sewajarnya. Keadilan haruslah menghargai kebenaran dalam menentang kezaliman," katanya.

Beliau berkata, rakaman suara perbualan didakwa melibatkan ADUN Sabah dan seorang kontraktor berhubung kegiatan rasuah adalah contoh senario masa kini yang menonjolkan penularan perlakuan rasuah dalam arena politik negara.

Ujarnya, rasuah politik dan salah guna kuasa telah lama menjadi penghalang kepada pembangunan demokrasi yang lebih berdaya maju di Malaysia sejak merdeka.

"Berpuluh tahun sudah berlalu, pelbagai projek telah dicemari gejala rasuah yang melibatkan ahli politik. Perbuatan ini mencemari proses kelulusan projek, lesen dan proses kerajaan.

"Walaupun TI-M kekal berdiri teguh dan proaktif dalam advokasi menentang elemen salah laku sebegini, keberanian dan kejujuran pemberi maklumat dalam membanteras perlaku rasuah dalam masyarakat masa kini amatlah penting, khususnya daripada individu berpengaruh dalam negara ketika ini," katanya.



MUHAMMAD MOHAN

'Saya bimbang pendedahan ini akan jadi sekadar ayam dan telur saja'

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu segera membuka kertas siasatan berhubung pendedahan seorang pemberi maklumat mengenai rakaman video didakwa skandal rasuah membabitkan lapan ADUN termasuk pemimpin tertinggi kerajaan negeri Sabah seperti tular di media sosial, baru-baru ini.

Setiausaha Politik kepada Ketua UMNO Sabah, Ir Abdul Aziz Julkarnain berkata, tindakan itu perlu kerana perbuatan menerima dan memberi rasuah adalah menyalahi moral dan undang-undang negara termasuk Akta SPM serta melibatkan kepentingan awam.

Berikut itu, Abdul Aziz menggesa SPM segera membuka kertas siasatan berhubung pendedahan terbabit biarpun sehingga kini tiada laporan rasmi dibuat.

"Saya melihat SPM wajar membuka

kertas siasatan kerana dakwaan whistleblower berkenaan mesti mempunyai asas tersendiri dan membabitkan banyak pihak, bukan hanya lapan ADUN bahkan pemimpin tertinggi kerajaan negeri Sabah sekarang.

"Tambahnya pula whistleblower berkenaan mendakwa dia sudah menghantar maklumat berkaitan kes rasuah membabitkan pemimpin politik berprofil tinggi di Sabah berkenaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tindakan lanjut," katanya kepada *Sinar Premium*.

Abdul Aziz berkata, beliau juga sudah menjangkakan ADUN Sindumin, Datuk Dr Yusof Yacob akan menafikan pembabitannya dalam kes berkenaan.



ABDUL AZIZ

"Kalau rakaman itu hanya mempunyai suara seorang atau dua orang memang senang untuk dinafikan tetapi kalau membabitkan ramai individu sehingga lapan orang memang sukar untuk dinafikan."

"Cuma saya bimbang pendedahan ini akan menjadi sekadar 'ayam dan telur' serta akhirnya didiamkan sahaja. Jadi saya berharap SPM tidak akan berdiam diri dan

terus menjalankan siasatan terperinci walaupun maklumat diberikan oleh whistleblower belum tentu benar atau fitnah," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz melahirkan kebimbangan kes terbabit akan menjadi 'pandemik' dalam masyarakat jika tidak

dibendung secepat mungkin oleh SPM.

Ujarnya, jika dakwaan whistleblower berkenaan benar maka besar kemungkinan masalah rasuah menjadi antara penyebab kenapa Sabah kekal sebagai negeri dan daerah termiskin di Malaysia.

"Jadi saya tidak menolak kemungkinan masalah kemiskinan di Sabah berpunca daripada kalangan pemimpin parti politik dipilih dan diliberikan amanah untuk membangunkan sosioekonomi di negeri ini mengkhianati mandat diberikan rakyat.

"Justeru, walaupun kita tidak tahu sama ada wakil rakyat disebut dalam rakaman audio berkenaan pemberi atau penerima rasuah, namun saya berpandangan 'pandemik' atau penyakit rasuah ini perlu dihentikan segera dan hukuman berat mesti dikenakan kepada individu terbabit," katanya.



SINAR HARIAN
13.11.2024
(RABU)

Datuk direman kes palsukan dokumen mohon kuota pekerja

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan reman seorang pengarah syarikat bergelar Datuk kelmarin kerana disyaki mengemukakan dokumen yang mengandungi butir palsu membabitkan permohonan kuota pekerja asing untuk kelulusan Kementerian Sumber Manusia yang bernilai kira-kira RM 1.1 juta.

Perintah reman selama enam hari sehingga 17 November ini dikeluarkan oleh Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali selepas SPM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor pagi kelmarin.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia sekitar 40-an yang adalah warganegara Bangladesh ditahan kira-kira jam 9 malam kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di SPM Selangor.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sekitar 2023 dengan mengemukakan dua permohonan kuota membabitkan 600 pekerja asing oleh syarikat berkenaan sedangkan pembekalan tenaga kerja bagi projek yang dikemukakan tidak wujud.



Suspek warganegara Bangladesh hadir bagi memberi keterangan di SPM Selangor.
(Foto ihsan SPM)

"Dua permohonan ini melibatkan pembayaran levi kira-kira RM650,000 dan RM460,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009.



BERITA HARIAN
14.11.2024
(KHAMIS)

Pemberi maklumat perlu lalui penilaian SPRM

Kuala Lumpur: Individu yang mahu memberi maklumat berkenaan kes rasuah perlu melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk prosedur penilaian terlebih dahulu sebelum berhak mendapat perlindungan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ini kerana terdapat akta khas pemberi maklumat iaitu Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Katanya, menerusi akta berkenaan, jika seseorang berasaskan satu kesalahan, perlu maklumkan pada agensi yang bertanggungjawab.

"Jika kes rasuah dia kena bagi maklumat pada SPM dahulu kemudian agensi itu akan terima laporan, kemudian akan buat siasatan dan keputusan sama dia ini dilihat sebagai 'qualify whistleblowers' (pemberi maklumat layak) atau tidak.

"Itu prosedurnya. Kita tidak boleh apabila tahu maklumat kita tidak buat laporan pada agensi yang bertanggungjawab (tetapi) tiba-tiba buat kenyataan 'nakkan perlindungan'."

"Ini kerana dalam aspek pemberi maklumat selalunya orang tidak tahu siapa yang beri maklumat kita pada agensi sebab itu kita ada undang-undang memberikan mereka perlindungan.

"Itu antara agensi dengan mereka yang beri maklumat," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Kuala Lumpur On International Arbitration 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M Kula Segaran dan Menteri Kehakiman Thailand, Tawee Sodsong.

Azalina berkata, beliau bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak akan melindungi individu yang terbabit dalam kes rasuah termasuk individu berkenaan yang mahu menjadi pemberi maklumat bagi pembongkaran kes rasuah.

"Saya rasa, kena tengok dari dua aspek, jika seseorang itu melakukan kesalahan memanglah Perdana Menteri cakap tiada perlindungan, itu betullah," katanya.

Selain itu, katanya, sebagai contoh dalam mahkamah pendakwa raya mahu mendakwa lima hingga enam orang dan mungkin salah seorang akan jadi saksi pendakwa.

Katanya, perkara itu akan dibincangkan antara pendakwa dengan peguam dan kadang kala peguam akan membuat rundingan untuk kurangkan hukuman atau menjadi saksi pendakwa.



BERITA HARIAN
14.11.2024
(KHAMIS)

Proses rekod keterangan pengasas FashionValet masuk hari ke-6



Pasangan pengasas FashionValet Sdn Bhd menyambung memberikan keterangan kepada SPRM pada Rabu.

PUTRAJAYA - Pasangan pengasas FashionValet Sdn Bhd yang terkait kes kerugian pelaburan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) menyambung memberikan keterangan pada Rabu.

Kenderaan membawa pasangan tersebut tiba di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini pada 2.50 petang.

Proses rakaman keterangan yang memasuki hari keenam terhadap pasangan itu dijalankan setelah SPRM mengesan terdapat beberapa transaksi akaun mencurigakan

dalam siasatan berhubung kerugian pelaburan berjumlah RM43.9 juta yang dialami Khazanah dan PNB dalam FashionValet.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri dilaporkan berkata, pihaknya sedang menyemak dan menjalankan siasatan berhubung aliran tunai yang diterima pasangan pengasas platform e-dagang itu.

SPRM juga dilaporkan telah membuka beberapa akaun bank persendirian pasangan itu serta akaun syarikat bernilai kira-kira RM1.1 juta menerusi Op Favish pada 6 November lepas. - Bernama



SINAR HARIAN
14.11.2024
(KHAMIS)



SINAR HARIAN
14.11.2024
(KHAMIS)

Pemberi, penerima rasuah punca Sabah mundur

KOTA KINABALU - Pas Sabah berharap pemberi dan penerima rasuah mendapat hukuman setimpal jika wujud rasuah melibatkan dakwaan skandal Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini.

Pesuruhjaya, Datuk Aliakbar Gulasan berkata, perlakuan pemberi dan penerima rasuah adalah punca Sabah menjadi mundur ketika ini.

"Saya tidak ingin ulas kesahihan rakan tersebut. Bagaimanapun, perbuatan rasuah merupakan satu malapetaka besar kepada manusia kerana boleh menyebabkan kerosakan sistem pentadbiran.

"Islam mendidik penganutnya bahawa harta haram itu bukan sahaja berdosa kepada semua yang digunakan olehnya, sehingga menjadi umpan neraka yang membakar dirinya.

"Sebab itu dalam Islam perbuatan rasuah termasuk dalam senarai dosa-dosa besar," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sehubungan itu, Aliakbar berkata, Pas Sabah berharap pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kes itu sehingga ke akar umbi.

"Pas Sabah mengharapkan pemberi dan penerima rasuah mesti dihukum dengan setimpal dan sewajarnya. Selamatkan negara daripada pengkhianat dan penipu, maka akan sejahteraiah Malaysia dan seluruh rakyatnya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) Sabah, Razif Abdillah berkata, SPM boleh memulakan siasatan segera tanpa perlu menunggu sehingga laporan berkaitan dakwaan kes rasuah itu dibuat di pejabat agensi tersebut.

"Kita harus sedar implikasi rasuah melalui salah guna kuasa, penggunaan wang sebagai sogukan kepada sesuatu projek, menjadikan tatakelola atau pentadbiran lemah secara langsung merapuhkan struktur pentadbiran sesuatu negara atau negeri."

"Saya kurang pasti berapa pantas SPM akan bertindak, namun begitu saya ingin ber pemahaman sekali lagi kepada rakyat Sabah bahawa SPM berkuasa di bawah Akta SPM 2009 (Akta 694) bagi membolehkan siasatan segera dilakukan terhadap kes tanpa perlu menunggu di pejabat sehingga laporan dibuat," katanya.

Ujar beliau lagi, ketika ini ada pihak yang mula mengklasifikasi bahawa bukti yang tersebar iaitu klip video suara itu kononnya daripada teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Sekuat manapun teknologi yang ada harus dimulai dengan siasatan untuk sebarang pengesahan atau pembuktian yang dimaksudkan itu sahih atau fitnah."

"AI atau bukan jika pendekatan secara manual digunakan sekalipun dengan meminta suspek berpotensi melafazkan ayat dengan intonasi sama ia akan membantu dalam proses pengesahan," katanya.



ALIAKBAR



RAZIF

Datuk direman kes palsukan dokumen mohon kuota pekerja

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan reman seorang pengarah syarikat bergelar Datuk kelmarin kerana disyaki mengemukakan dokumen yang mengandungi butir palsu membabitkan permohonan kuota pekerja asing untuk kelulusan Kementerian Sumber Manusia yang bernilai kira-kira RM 1.1 juta.

Perintah reman selama enam hari sehingga 17 November ini dikeluarkan oleh Majistret, Mohamad Redza Azhar Rezali selepas SPM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor pagi kelmarin.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia sekitar 40-an yang adalah warganegara Bangladesh ditahan kira-kira jam 9 malam kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di SPM Selangor.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sekitar 2023 dengan mengemukakan dua permohonan kuota membabitkan 600 pekerja asing oleh syarikat berkenaan sedangkan pembekalan tenaga kerja bagi projek yang dikemukakan tidak wujud.



Suspek warganegara Bangladesh hadir bagi memberi keterangan di SPM Selangor.

(Foto ihsan SPM)

"Dua permohonan ini melibatkan pembayaran levi kira-kira RM650,000 dan RM460,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009.



BERITA HARIAN
14.11.2024
(KHAMIS)

Seorang lagi suspek ditahan SPRM

SHAH ALAM -

Seorang lagi suspek ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai terlibat dalam mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan permohonan kuota pekerja asing.

Sumber berkata, SPRM Selangor menahan reman seorang lagi pengarah syarikat yang terlibat bagi mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Sumber Manusia dianggarkan bernilai RM1.1 juta.

Menurut sumber, perintah reman selama lima hari sehingga Isnin telah dikeluarkan oleh Majistret Wan Noora Nisa Ngadirin selepas SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor pada Khamis.

"Suspek wanita berusia 40-an

SKANDAL PERMOHONAN KUOTA PEKERJA ASING

itu telah ditahan kira-kira jam 5 petang Rabu ketika hadir bagi memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan tersebut pada tahun 2023," katanya pada Khamis.

Kata sumber, suspek mengemukakan dua permohonan kuota seramai 600 pekerja asing oleh syarikat berkenaan, sedangkan pembekalan tenaga kerja bagi projek yang dikemukakan tidak wujud.

Jelasnya, dua permohonan tersebut melibatkan pembayaran levi kira-kira RM1.1 juta.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
16.11.2024
(SABTU)

SPRM bongkar kegiatan punggah galian secara haram

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) kelmarin menggempur kegiatan memunggah keluar hasil galian yang dipercayai mengandungi bauksit tanpa mengikut prosedur yang sah di sekitar Kuantan, Pahang.

SPRM turut mengesyaki kegiatan itu dilindungi oleh pegawai sebuah agensi di bawah kerajaan negeri sejak 2022.

Dalam serbuan dijalankan oleh Bahagian Perisikan SPRM di sekitar Bukit Goh, SPRM turut menahan tiga individu membabitkan dua pemilik syarikat dan seorang pegawai agensi berkenaan kerana dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi kegiatan itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata dalam operasi itu pihaknya juga menyita wang tunai lebih RM26,000 bersama tiga unit telefon bimbit daripada suspek dan membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

"Berdasarkan risikan yang dibuat, kegiatan memunggah hasil galian di Bukit Goh itu dipercayai

dilakukan tanpa mengikut prosedur yang sah di mana kebenaran hanya diberikan bagi memunggah hasil sedia ada yang digali sebelum 2022.

"Namun, siasatan yang dijalankan mendapati, mereka turut melakukan kerja memunggah keluar hasil yang baru digali.

"Bagi melindungi kegiatan ini, beberapa pengusaha lori pengangkut bahan galian terbabit membayar wang rasuah kepada pegawai agensi berkenaan.

"Wang rasuah itu sebagai balasan untuk melindungi serta tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti terbabit."

"SPRM kini masih dalam peringkat siasatan bagi mengenal pasti jumlah rasuah berkenaan," katanya.

Menjelas lanjut, Azam berkata pada hari yang sama, pihaknya turut membuat pemeriksaan di sebuah lokasi penyimpanan hasil galian di Jabor, Terengganu.

"Di lokasi ini, sebanyak empat unit jengkaut dan sebuah *shovel loader* serta tujuh lori pengang-



Tiga individu direman bagi membantu siasatan di Mahkamah Majistret Kuantan, Pahang semalam serta jentera yang disita di lokasi mengeluarkan galian secara sah tidak di Kuantan.
(Foto ihsan SPRM)



**BERITA HARIAN
16.11.2024
(SABTU)**

NGO selar individu tidak serah maklumat kepada SPRM berkaitan isu projek rasuah Sabah

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyelar tindakan individu yang mendedahkan video berkaitan dengan rasuah kepada umum tanpa menyerahkan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi Gerakan Kuasa Rakyat Malaysia (G57), Datuk Zulkarnain Mahdar berkata, tindakan tidak bertanggungjawab individu berkenaan telah menimbulkan persepsi negatif kepada mereka yang terlibat dan juga undang-undang negara ini.

"Berdasarkan pengetahuan saya, (negara) kita mempunyai akta yang melindungi pemberi maklumat di mana ia masih lagi terpakai sehingga sekarang.

"Pihak yang mempunyai maklumat

sepertinya terus menyalurkannya kepada SPRM. Kita ini bukan Korea Utara di mana pemberi maklumat tidak selamat apabila membuat laporan.

"Jika beri alasan diugut bunuh, saya pun pernah menerima ugutan sama tetapi saya tidak dedahkan maklumat kepada umum, hanya SPRM sahaja yang tahu," katanya menerusi sidang akhbar selepas membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM pada Jumaat.

Beliau berkata, tindakan laporan dibuat agar SPRM menylasat individu tersebut yang didakwa memiliki maklumat perbincangan rasuah antara ahli perniagaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengenai lesen projek di Sabah.

"Saya buat laporan supaya SPRM menyiasat individu ini kerana tidak melaporkan mengenai maklumat yang dimilikinya," ujar Zulkarnain.

Sebelum ini, sebuah portal berita

mendedahkan terdapat lapan video daripada pemberi maklumat mengenai hal tersebut.

Peguam kepada pemberi maklumat

itu berkata, anak guamnya bersedia memberikan bukti kepada SPRM jika agensi antirasuah itu boleh memberi jaminan bahawa dia tidak akan disiasat.

'Tak perlu takut, ini bukan Korea Utara'



Zulkarnain ketika ditemui selepas membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada Jumaat.



SINAR HARIAN
16.11.2024
(SABTU)

Padah punggah bauksit secara haram

Tiga individu membabitkan dua pemilik syarikat dan seorang pegawai agensi ditahan SPRM

Oleh NIK AMIRULMUMIN
NIK MIN
KUANTAN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengempur kegiatan memunggah keluar hasil galian yang dipercayai mengandungi bauksit tanpa mengikut prosedur yang sah di sekitar daerah ini yang disyaki dilindungi pegawai sebuah agensi dibawah kerajaan negeri sejak tahun 2022.

Dalam serbuan dijalankan Bahagian Perisikan SPRM di sekitar Bukit Goh di sini pada Khamis, tiga individu membabitkan dua pemilik syarikat dan seorang pegawai agensi berkenaan ditahan kerana dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi kegiatan itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, dalam operasi itu SPRM turut menyita wang tunai lebih RM26,000 dan tiga unit telefon bimbit daripada suspek.

Menurutnya, berdasarkan risikan, kegiatan memunggah hasil galian di Bukit Goh itu dilakukan tanpa mengikut prosedur yang sah kerana kebenaran hanya diberikan bagi memunggah hasil sedia ada yang telah



Ketiga-tiga suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuantan pada Jumaat untuk permohonan perintah reman.

digali sebelum 2022.

"Bagaimanapun hasil siasatan dijalankan mendapat, mereka turut melakukan kerja memunggah keluar hasil galian baru digali dan bagi melindungi kegiatan itu, beberapa pengusaha lori pengangkut bahan galian terbabit telah membayar wang rasuah kepada pegawai agensi berkenaan.

"Wang rasuah itu sebagai balasan untuk melindungi serta tidak mengambil tindakan perguatkuasaan terhadap aktiviti terbabit," katanya melalui kenyataan pada Jumaat.

Azam berkata, SPRM kini dalam peringkat siasatan bagi mengenal pasti jumlah rasuah yang terlibat.

Susulan serbuan itu, SPRM telah membuat pemeriksaan di sebuah lokasi penyimpanan hasil galian berkenaan di Jabor, Terengganu pada hari yang sama.

"Di lokasi itu, lima jentera iaitu empat unit jengkaut, sebuah shovel loader dan tujuh lori pengangkut termasuk lima lori dumper telah

diserahkan kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Terengganu untuk tindakan sitaan atas kesalahan di bawah Seksyen 425 Akta Tanah Negara 1965.

"Selain sitaan di lokasi terbabit, lapan unit lori pengangkut turut disita di bawah Seksyen 82 Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 dan diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kerana membawa muatan melebihi kapasiti dibenarkan sewaktu pemeriksaan di sebuah persimpangan jalan di Gebeng," katanya.

Sementara itu, ketiga-tiga suspek berusia dalam lingkungan 30 hingga 50-an dibawa ke Mahkamah Majistret Kuantan di sini untuk perintah reman.

Majistret Wahidah Zainal Abidin membenarkan ketiga-tiga lelaki itu direman selama enam hari sehingga 19 November ini.

Kesemua suspek direman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
16.11.2024
(SABTU)

Dua penjawat awam terima suapan RM130,000 ditahan SPRM

KOTA KINABALU - Dua penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di sini pada Khamis, selepas disyaki meminta dan menerima suapan kira-kira RM130,000.

Dua suspek lelaki masing-masing berusia 50-an ditahan antara jam 7 hingga 10 malam ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Sabah.

Menurut sumber, kedua-dua suspek meminta dan menerima sogokan itu daripada beberapa kontraktor sebagai balasan mendapatkan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan kecil tandas sekolah-sekolah di sebuah daerah di negeri ini.

Siasatan awal dipercayai kedua-dua suspek melakukan perbuatan tersebut pada tahun 2023 dengan meminta rasuah sebanyak 30 peratus daripada nilai projek iaitu kira-kira RM130,000 daripada beberapa kontraktor.

Kedua-dua suspek disyaki menerima wang rasuah daripada kontraktor-kontraktor tersebut secara tunai dengan beberapa kali bayaran.

Menurut sumber lagi, SPRM turut merampas kira-kira RM90,000 wang tunai dan menyita dua kendaraan mewah yang dibeli hasil daripada wang rasuah tersebut.

Susulan penahanan itu, salah seorang suspek telah dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Kinabalu dan perintah reman selama selama enam hari bermula Jumaat sehingga 21 November ini dikeluaran oleh Majistret Wan Farrah Farriza Wan Gahzali.

Sementara itu, seorang lagi suspek akan dilepaskan dengan jaminan SPRM setelah selesai memberikan keterangan pada Jumaat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes dislasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan akan dibuat bagi membantu siasatan.

Karunanithy dalam pada itu turut meminta mana-mana kontraktor yang pernah memberi wang rasuah kepada mana-mana penjawat awam berkaitan apa juga projek untuk tampil memberikan maklumat kepada SPRM.



SINAR HARIAN
16.11.2024
(SABTU)

Kerugian pelaburan RM43.9 juta dalam FashionValet

SPRM bekukan akaun syarikat 30 Maple

Azam arah percepat siasatan dalam tempoh dua minggu, tambah empat lagi saksi

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kajang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak membekukan akaun syarikat 30 Maple Sdn Bhd (30-Maple) yang mengeluarkan produk tudung Jenama mewah milik pasangan usahawan, Datin Vivy Yusof dan Datuk Fadzaruddin Shah Anuar.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, berkata beberapa akaun syarikat sudah dibekukan SPRM termasuk milik 30 Maple.

"SPRM membekukan beberapa akaun syarikat (yang dikaitkan dengan FashionValet Sdn Bhd) dan akaun 30 Maple juga dibekukan," katanya kepada selepas Program Menembak SPRM Bersama Media, 2024, di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Media Prima Berhad (MPB), Farrah Naz Abd Karim dan Timbalan Pengarang Kumpulan NST, Sharanjit Singh Tara Singh.

Sebelum ini sebuah portal mendedahkan FashionValet membeli 30 Maple Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat kini dimiliki sepenuhnya oleh Vivy dan Fadzarudin dengan harga RM96 juta.

Pembelian itu dilaporkan di-

pat saksi baharu dipanggil SPRM untuk memberi keterangan.

"Saya mengarahkan pegawai siasatan mempercepatkan siasatan dalam tempoh dua minggu ini dan kita menambah empat lagi saksi selepas 14 saksi dipanggil.

"Selepas itu siasatan akan diserahkan segera kepada DPP untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Mengenai kes kegiatan memungkah keluar hasil galian yang dipercayai mengandungi bauksit tanpa prosedur yang sah di Kuantan, Pahang, Azam berkata, SPRM kini dalam proses menyita hasil galian terbaik.

Beliau berkata, sitaan itu ter-



Azam beramah mesra dengan Farrah Naz dan Sharanjit (kanan) pada Program Menembak SPRM bersama Media 2024 di Kajang, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)



BERITA HARIAN
17.11.2024
(AHAD)

VIDEO ADUN DIDAKWA TERBABIT RASUAH

Peguam pernah jumpa SPRM minta perlindungan

Kuala Lumpur: Peguam individu terlibat dengan penyebaran video yang didakwa berkaitan isu rasuah melibatkan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) pernah mengadakan pertemuan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendapatkan perlindungan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Bakri berkata, peguam itu datang ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada 30 Oktober lepas untuk memberi maklumat berhubung isu rasuah terbabit serta ingin meminta perlindungan dan imuniti di bawah Akta Pemberi Maklumat 2010, supaya anak guam-

nya tidak disiasat dan dituduh di mahkamah.

"Pihak SPRM telah menyatakan kepada mereka bahawa perkara itu tidak boleh diberikan kepada mana-mana individu, bukan kerana kes ini...imuniti itu tidak boleh diberikan sehingga kes dikemukakan kepada pendakwa raya untuk membuat keputusan.

"Kes rasuah ini yang paling senang adalah perbuatan memberi dan menerima, kedua-duanya merupakan kesalahan. Tapi kita tengok juga lah darjah penglibatan



AZAM

mereka yang dikatakan memberi," katanya ketika menjadi tetamu undangan dalam program Ruang Bicara yang diterbitkan secara langsung oleh Bernama TV malam kelmarin.

Menurut beliau, ketika pertemuan itu, pihaknya hanya diberikan satu audio yang kurang jelas berdurasi 17 saat dan kemudian peguam itu telah per-

gi ke sebuah portal berita serta memberi peluang untuk melihat video-video berkaitan.

"Ini satu helah (*trick*) yang tidak berpatutan. Kenapa kami yang berada di pihak penguatkuasaan kamu tidak percaya. Masa berjumpa dengan pegawai SPRM mereka katakan Akta Pemberi Maklumat 2010 tidak kuat dan tak memadai untuk anak guam.

"Akta Pemberi Maklumat 2010 ini diberikan kepada mereka yang tidak melakukan kelakuan tidak wajar (*improper conduct*), maknanya tidak terlibat dalam salah laku tersebut. Lebih penting, individu itu perlu menzahirkan maklumat. Apabila tiada laporan kepada kami, secara

kan kepada SPRM, barulah kami boleh buat keputusan," katanya.

Azam berkata, SPRM secara formal tidak mengetahui siapa individu yang terlibat dalam skandal vi-

deo itu.

"Untuk berkata supaya SPRM mulakan siasatan, apa yang hendak disiasat? Kononnya tular di media sosial bahawa (video) itu berlaku di Sabah dan sebagainya, saya sendiri tidak tahu adakah itu yang dimaksudkan dan SPRM tidak boleh membuat tahanan tidak berdasar.

Sebuah portal berita baru-baru ini melaporkan mengenai beberapa rakaman video memaparkan Adun didakwa menerima ratusan ribu ringgit bagi menyokong permohonan syarikat untuk projek di sebuah negeri.



HARIAN METRO
17.11.2024
(AHAD)

SPRM rakam keterangan lima ADUN Sabah

PUTRAJAYA - SPRM telah merakam keterangan lima ADUN Sabah susulan dakwaan rasuah berdasarkan klip video memaparkan perbualan mereka yang disebarluaskan di sebuah portal berita.

Menurut kenyataan SPRM pada Ahad, SPRM Sabah telah menerima aduan mengenai seorang ahli perniagaan yang disyaki terbabit isu dakwaan rasuah berkaitan perolehan projek mineral di negeri itu.

"Siasatan awal berhubung aduan tersebut telah membawa kepada penemuan maklumat yang mengalarkan beberapa ADUN Sabah disyaki terlibat isu dakwaan rasuah membabitkan ahli perniagaan berkenaan," katanya.

Setakat ini, lima orang ADUN telah dipanggil untuk dirakam percakapan manakala siasatan masih giat dijalankan, menurut kenyataan itu.

"SPRM menasihati orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kes ini dan memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk lengkapkan siasatan dengan telus dan menyeluruh," katanya.

Sebelum ini media me-

laporkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri mengesahkan seorang pemberi maklumat berhubung kes klip video beberapa ADUN membincangkan rasuah telah berjumpa dengan pegawai suruhanjaya itu pada 30 Oktober lalu.

Ketika pertemuan, peguam kepada pemberi maklumat itu hanya memainkan rakaman audio berdurasi 17 saat yang memperdengarkan beberapa orang sedang berbincang tentang wang berjumlah ratusan ribu ringgit.

Susulan itu, Azam menggesa pemberi maklumat terbabit untuk membuat laporan rasmi kepada SPRM bagi memulakan proses perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Undang-undang tersebut menyatakan apabila individu memberikan maklumat kepada pihak berkuasa, dia akan dilindungi oleh undang-undang.

Selasa lalu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor menegaskan kerajaan negeri sedia memberi kerjasama kepada mana-mana pihak khususnya SPRM susulan tular rakaman audio ADUN yang didakwa membincangkan tentang wang rasuah.



SINAR HARIAN
18.11.2024
(ISNIN)

Pemilik syarikat disyaki bersubahat tuntutan palsu RM10 juta



Pemilik syarikat direman empat hari bagi membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu bernilai kira-kira RM10 juta.

PUTRAJAYA - Seorang pemilik syarikat ditahan reman empat hari kerana disyaki bersubahat dalam tuntutan palsu bernilai kira-kira RM10 juta.

Perintah reman bermula dari Ahad hingga Rabu itu dikeluarkan oleh Pendaftar Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Ahad.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 40-an itu dipercayai ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM sekitar jam 7 malam pada Sabtu.

"Siasatan awal mendapati suspek melakukan kesalahan itu pada 2019 hingga tahun ini," katanya.

Menurutnya, penahanan sus-

pek dilakukan susulan tangkapan seorang bekas pengurus kanan kejuruteraan sebuah syarikat pengeluaran barang keperluan asas berkaitan tuntutan palsu dan penipuan kira-kira RM2 juta pada minggu lalu.

"Suspek yang juga pengurus syarikat pemberian mesin di sebuah kilang pengeluaran barang keperluan asas disyaki mengemukakan tuntutan palsu bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan serta memberi rasuah kepada kakitangan syarikat yang meluluskan tuntutan palsu ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
18.11.2024
(ISNIN)

Kuantan: Seramai 6,646 pegawai kanan dan pegawai rendah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dikenakan tindakan tatatertib atas pelbagai kesalahan sejak 2020 hingga 30 September lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, daripada jumlah itu, 613 individu dikenakan tindakan buang kerja dan 120 individu pula diturunkan pangkat.

Katanya, 641 pegawai kanan dan rendah pula dilucut hak emolument, 68 orang diturunkan gaji, 152 ditangguh pergerakan gaji dan lain-lain membabitkan 5,052 individu.

"Antara kesalahan yang dilakukan ialah integriti, jenayah, rasuah, dadah dan syariah," katanya ketika ceramah Pembudayaan Integriti Dalam Kalangan Penjawat Awam pada Majlis Sambutan Hari Integriti 2024 peringkat Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) di sini, semalam.

Ketika ditemui selepas

6,646 pegawai kanan, pegawai rendah PDRM kena tindakan tatatertib

majlis, Ayob Khan berkata, tindakan salah laku, tatakelola dan rasuah bukan sahaja dalam kalangan anggota, malah pegawai atasan malah tanpa tindakan tegas, masyarakat akan hilang kepercayaan dan rasa hormat kepada PDRM.

"Oleh itu kita mengambil tindakan jangan mengira pangkat dan tidak kira kedudukan sebagai apa pun, pegawai atau anggota, kalau terlibat dan kes serius, searah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-

ysia (SPRM) dan jangan campur

tangan.

"Kalau SPRM tidak cukup bukti tetapi kita cukup bukti, kita buka untuk si-satan jenayah. Jangan utamakan tindakan tatatertib dalam dahulu, kalau kuat searah kepada SPRM, baru ada impak," katanya.



AYOB



HARIAN METRO
20.11.2024
(RABU)

Empat penguat kuasa direman disyaki minta rasuah

SEREMBAN - Empat penguat kuasa direman empat hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan cukai jalan dan permit Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkkomputer (Puspakom) yang telah tamat tempoh.

Perintah reman terhadap suspek bermula pada Rabu sehingga 24 November ini dikeluarkan oleh Majistret, Nurul Azuin Mohd Talhah di Mahkamah Majistret di sini.

Menurut sumber, keempat-empat suspek lelaki berusia antara 20 hingga 40-an itu ditahan kira-kira jam 5 hingga 6

petang pada Selasa ketika hadir bagi memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada 12 November lalu di Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Hentian Rehat dan Rawat Seremban.

"Salah seorang suspek disyaki menerima wang rasuah melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik seorang individu lain berjumlah RM1,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan perahanan tersebut.



Empat penguat kuasa (baju oren) direman empat hari kerana disyaki meminta dan menerima rasuah.

**MEJA
BULAT**

Diskusi Mencipta Resolusi

SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:
SELEPAS 60 TAHUN,
DI MANA SILAPNYA?



KLIK UNTUK TONTON VIDEO PENUH



SINAR HARIAN
21.11.2024
(KHAMIS)

Kartel tuntutan palsu PERKESO: Lima pegawai KKM dipindah tempat kerja - Dr Dzulkefly

KUALA LUMPUR - Lima pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) yang didakwa terlibat dalam skandal kartel memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Pulau Pinang, kelima-lima pegawai itu telah dipindahkan ke hospital lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, tindakan itu dibuat sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Berhubung dengan tangkapan yang dibuat SPRM berkaitan dakwaan bahawa pegawai

Kementerian terlibat dalam skandal kartel memalsukan tuntutan hilang upaya PERKESO di Pulau Pinang, kelima-lima pegawai itu telah dipindahkan ke hospital lain sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh SPRM," katanya menjawab pertanyaan

DR DZULKEFLY



Lim Guan Eng (PH-Bagan) mengenai tindakan diambil terhadap pegawai terbabit dan rombakan ke atas sistem pengurusan sekarang serta sama ada Jabatan

berakhir pada 16 Oktober lalu.

"Pada masa ini, pegawai yang terlibat telah kembali bertugas namun dipindahkan ke hospital lain sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh SPRM," katanya menjawab pertanyaan

Lim Guan Eng (PH-Bagan) mengenai tindakan diambil terhadap pegawai terbabit dan rombakan ke atas sistem pengurusan sekarang serta sama ada Jabatan

Ortopedik berkenaan masih berfungsi.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly menjelaskan, skop fungsi dan pengoperasian jabatan ortopedik di hospital terbabit diteruskan seperti biasa.

"Ia bagi menyampaikan perkhidmatan kepada orang yang berluka kepada pesakit dengan dibantu pegawai dari hospital berhampiran," katanya.

Sebelum ini, SPRM menahan seramai 37 individu termasuk enam doktor menerusi Op Tunjang selepas dipercayai terlibat dalam sindiket tuntutan palsu kepada PERKESO.



SINAR HARIAN
21.11.2024
(KHAMIS)

4 penguat kuasa minta rasuah RM1k ditahan

Serenian: 'Keenakan' makan rasuah RM1,000 pasti menjadi kenangan abadi empat penguat kuasa sebuah agensi kerajaan di negeri ini, yang bakal 'makan percuma' di dalam penjara selepas ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), petang kelmarin.

Terdahulu, keempat-empat didakwa meminta dan menerima rasuah RM1,000 daripada seorang individu sebagai balasan tidak mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan cukai jalan.

Sumber berkata, semua individu berusia 20-an hingga 40-an terbabit ditahan jam 5 hingga jam 6

petang, di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan mendapati, semuanya dipercayai melakukan perbuatan itu pada 12 November lalu di Lebuhraya Utara Selatan (Plus), berhampiran hentian rehat dan rawat (R&R) Seremban, di sini.

"Seorang daripada mereka disyaki menerima rasuah melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik individu lain (pihak ketiga) berjumlah RM1,000.

"Ia sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan cukai jalan dan permit Puspakom tamat tempoh," katanya.



EMPAT anggota penguat kuasa agensi kerajaan di negeri ini direman empat hari oleh SPRM bagi siasatan meminta dan menerima rasuah RM1,000 daripada seorang individu.
- Gambar NSTP/AHMAD HASBI



HARIAN METRO
21.11.2024
(KHAMIS)

SPRM bebas siasat dakwaan kes rasuah babitkan ADUN Sabah

PM nafi tuduhan orang kenamaan 'kebal' tindakan pihak berkuasa

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bebas dalam menjalankan siasatan berhubung dakwaan kes rasuah membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang diketuainya mengambil pendirian tegas dalam merangi rasuah di negara ini, biarpun membabitkan golongan kenamaan.

"Tetapi saya diberi maklum oleh pihak SPRM bahawa hal ini diteruskan, termasuk isu berbangkit terakhir ini mengenai Sabah. Itu yang dimaklumkan SPRM, siasatan diteruskan. ADUN berkaitan dipanggil.

"Tidak benar sama sekali kalau ada dakwaan untuk mengengkang dan menyekat (SPRM).

na ditegaskan berulang kali negara tak mungkin selamat jika tidak dibanteras rasuah ke akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) pada sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

SPRM Sabah sebelum ini dilaporkan memanggil lima ADUN Sabah bagi membantu siasatan membabitkan dakwaan rasuah perolehan projek mineral di negeri itu selepas menerima aduan mengenai seorang ahli perniagaan yang disyaki terbabit dalam isu berkenaan.

Menjawab soalan tambahan Awang berhubung isu 3R (agama, kaum dan Raja), Anwar mengaku wujud keperluan untuk memperbaiki persepsi awam terhadap isu itu, namun kerajaannya berdepan keterbatasan dalam merungkai masalah terbabit.

Beliau berkata, kerajaan terikat dengan pandangan Raja-Raja Melayu berhubung isu 3R, khususnya dalam mengambil tindakan terhadap pihak yang cuba mengganggu ketenteraman awam.

Katanya, biarpun kerajaan berpendirian isu 3R tidak sepertinya menyekat kebebasan media dan hak bersuara rakyat, namun

"Sementara kita izinkan orang ramai bicara, tapi sidang dalam Raja-Raja Melayu sangat tegas.

"Kita terikat dengan pandangan Raja-Raja bahawa mereka tidak mahu dan mengizinkan sebarang kecaman di khalayak tanpa tindakan," katanya.

Syarikat swasta taja lawatan

Dalam perkembangan berasingan, Anwar menjelaskan, sekitar 70 hingga 80 peratus daripada kos perjalanan dan lawatan rasmi ke lima negara baru-baru ini ditanggung syarikat tempatan yang turut menyertai urusan itu.

Perdana Menteri berkata, itu

PM nafi dakwaan SPRM dihalang siasat dakwaan kes rasuah babit ADUN di Sabah.
(Foto hiasan)

adalah pendekatan lain di bawah pentadbirannya untuk memastikan perbelanjaan untuk membayar lawatan rasmi di luar negara diuruskan secekap mungkin.

"(Lawatan) Baru-baru ini kita buat cara lain sebab saya lihat kos perjalanan selalunya agak tinggi.

"Jadi kali ini apa yang kita lakukan adalah dengan kerjasama Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz).

"Kita undang syarikat terbabit

umpamanya PETRONAS, Sapura Energy, Yinson, PROTON dan (syarikat semikonduktor) yang datang mengikut dalam rombo-

ngan (negara). Mereka bayar tambang dan kos.

"Jadi maknanya tak salah saya sekitar 70, 80 peratus kos penerbangan itu ditanggung oleh syarikat yang ada kepentingan perniagaan pelaburan. Kerajaan bantu syarikat ini sama ada import dan eksport.

"Jumlah sebenarnya saya baru tiba semalam belum ada (perincian) tapi kos itu memang tinggi kerana dari KL (Kuala Lumpur) ke Kaherah, Riyad, Lima, Rio De Janeiro dan Doha.

"Memang setengah dunia, tiga benua tetapi tetapi (sekitar) 75 peratus kos ditampung syarikat berkenaan," katanya.



BERITA HARIAN
22.11.2024
(JUMAAT)

SPRM teruskan siasatan babitkan Daim, isteri

Kertas siasatan berdasarkan maklumat ditemui dalam Pandora Papers ketika menjadi Menteri Kewangan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneruskan siasatan membabitkan bekas Menteri Kewangan, Allahyarham Tun Daim Zainuddin.

SPRM dalam kenyataan semalam berkata, pada Februari 2023, SPM membuka beberapa kertas siasatan berdasarkan

maklumat yang ditemui dalam Pandora Papers. Katanya, siasatan ke atas maklumat dalam Pandora Papers membawa kepada siasatan terhadap Kementerian Kewangan pada masa itu, iaitu Daim memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan.

"Seperti yang dinyatakan dalam Kenyataan Media SPM bertarikh 30 Disember 2023, satu notis di bawah Seksyen 36(1)(a) Akta SPM 2009 dikeluarkan kepada Daim pada 7 Jun 2023.

"Notis ini mengkehendaki beliau mengisyiharkan semua aset miliknya di dalam dan luar negara secara bertulis dan melalui akuan bersumpah dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

"Daim memohon lanjutan tempoh sebanyak lima kali, dan SPM memberikan lanjutan pada 6 Julai 2023, 10 Ogos 2023, 11 September 2023, 11 Oktober 2023, dan terakhir pada 14 November 2023 untuk melengkap-

kan pengisyiharan aset tersebut.

"Pada 29 Januari 2024, Daim didakwa mengikut Seksyen 36(2) Akta SPM 2009 atas pertuduhan gagal mematuhi notis yang terakhir iaitu 14 November 2023, dengan tidak mengisyiharkan kira-kira 70 aset harta dan satu akaun bank," katanya.

Perjelas dakwaan tak berdasas
SPRM berkata, kenyataan media ini bertujuan memperjelas dan membentulkan dakwaan yang tidak berdasas serta mengejutkan di media dan media sozial berkaitan isu berkenaan.

Selepas Daim meninggal dunia pada 20 November 2024, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur melepas dan membebaskan Daim daripada pertuduhan gagal mematuhi notis itu mengikut Seksyen 254 Kanun Prosedur Jenayah.

Bagaimanapun, SPM berkata, siasatan mengikut Seksyen

23 Akta SPM 2009 dan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) berkaitan kes ini masih diteruskan.

Katanya, siasatan itu turut membabitkan isteri Daim, Toh Puan Na'imah Abdul Kadir, serta ahli-ahli keluarga beliau, dan siasatan tertumpu kepada perolehan aset-aset di luar negara. "Penyelidikan jejak kewangan di luar negara sedang giat dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi antarabangsa," katanya.

SPRM meminta masyarakat agar tidak membuat spekulasi berhubung kes ini dan memberikan ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan tugas mereka tanpa sebarang gangguan."



Siasatan SPM turut membabitkan Na'imah serta ahli keluarga.



BERITA HARIAN
23.11.2024
(SABTU)

Perasuh tak layak status pemberi maklumat, elak salah guna ‘perisai’

* Perlindungan ini tertakluk kepada syarat dan prosedur tertentu untuk memastikan keberkesanannya serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan

* Proses untuk memohon perlindungan pemberi maklumat juga adalah jelas dan tertib, selain individu perlu melapor terus kepada agensi penguatkuasaan kerajaan seperti SPRM



Dr. Zauval Darius
bhrenca@bh.com.my

Pengerusi Bahagian Perisikan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Namun, perlindungan ini tertakluk kepada syarat dan prosedur tertentu untuk memastikan keberkesanannya serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan.

Salah faham yang sering timbul ialah kepercayaan bahawa pemberi maklumat boleh mendakwa maklumat secara umum, contohnya kepada media atau media sosial sebelum memohon perlindungan. Ini adalah tanggapan salah.

Mengikut undang-undang, maklumat mengenai salah laku mestilah dilaporkan kepada agensi pengurusan terlebih dahulu. Jika seseorang mendakwa maklumat kepada umum sebelum membuat laporan rasmi, ia mungkin menyebarkan identiti dirinya sendiri serta kesahihan maklumat didedahkan.

Selain itu, terdapat risiko maklumat berkemasan belum dilakukan atau boleh disalah taftir yang akhirnya boleh merosakkan kredibiliti kes terbabit. Dalam situasi seperti ini, agensi pengurusan kuala tidak dapat memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang sudah ‘mendakwakan’ dirinya sendiri sebelum membuat laporan formal.

Bagi mendapatkan perlindungan pemberi maklumat, individu perlu memenuhi beberapa syarat. Pertama, laporan mestilah dibuat kepada agensi pengurusan sah seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau agensi kerajaan lain berkaitan.

Kedua, laporan itu perlu dibuat dengan niat baik, bekalan atas tujuan jujut seperti membela dendam atau memfitnah.

Satu lagi syarat penting ialah pemberi maklumat turut boleh terbabit dalam kesalahan dilaporkan. Seksyen 1(1) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 jelas menyatakan perlindungan boleh dibentuk jika pemberi maklumat berkemasi didaati mutu terhadap dalam salah laku di dedahkan.

Ini bagi memastikan integriti pemberi maklumat dan mengelakkan mereka daripada menggunakan status perlindungan sebagai ‘perisai’ untuk melindungi diri mereka sendiri.

Proses untuk memohon perlindungan pemberi maklumat juga adalah jelas dan tertib. Individu perlu melapor terus kepada agensi penguatkuasaan kerajaan seperti SPRM.

Selaras laporan diterima dan memenuhi kriteria ditetapkan dalam akta, pemberi maklumat akan diberikan perlindungan dijamin oleh undang-undang.

Antara bentuk perlindungan disediakan adalah kerahsaan identiti pemberi maklumat sepenuhnya yang tidak akan didedahkan kepada pihak lain, termasuk semasa prosiding mahkamah.

Walupun undang-undang sudah tersedia, pemberi maklumat sering menghadapi cabaran dalam menegakkan kebenaran. Antaranya, pemberi maklumat sering dikelab sebagai ‘pengadu’ atau ‘pengkilhanat’, terutama jika kesalahan membabitkan majikan atau organisasi tempat mereka bekerja.

Selain itu, walaupun perlindungan undang-undang diberikan, masih wujud keimbangan mengenai ancaman atau diskriminasi boleh mereka hadapi secara langsung atau tidak langsung. Malah, masih ramai tidak memahami prosedur undang-undang untuk menjadi pemberi maklumat dan bagaimana mereka boleh memohon perlindungan secara sah.

Hakikatnya, undang-undang perlindungan pemberi maklumat antara alat penting dalam usaha membanteras rasuah dan salah laku di negara ini. Ia memberi keyakinan kepada individu tampli mendakwa maklumat tanpa rasa takut akan tindakan basa.

Selain itu, ia membantu memastikan maklumat disampaikan adalah sah, sekali gus boleh digunakan dalam proses siasatan dan persudahan.

Kedua-dua menggesa peranan, tanggungjawab dan perlindungan pemberi maklumat perlu ditingkatkan dalam masyarakat. Salah faham bahawa selesa sahaja memohon perlindungan tanpa memenuhi syarat ditetapkan perlu diperbetulkan agar undang-undang ini tidak disalah guna.

Sebagai rakyat prihatin, kita perlu memahami pemberi maklumat ialah peran penting dalam mendakwa salah laku dan memastikan integriti institusi terus terjang.

Malah, perlindungan diberikan juga kepada individu berkaitan dengan pemberi maklumat, iaitu ahli keluarga atau individu mempunyai kaitan rapat dengan pemberi maklumat. Jika mereka menghadapi risiko akibat pendakwaan terbabit,

kesalihnya, sebagai masyarakat bertanggungjawab, kita perlu memahami peranan dan tanggungjawab melaporkan jujut rasuah.

Sekson 35 Akta SPM 2009 menyatakan sesapa mengenal pasti mengenai pemberi maklumat, pemerintah mahu



BERITA HARIAN
26.11.2024
(SELASA)